



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسش ایمان

"DARIPADA Uthman bin Affan Radiallahuanhu, Baginda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Sebaik-baik kamu ialah yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya (ilmu Al-Quran)".
- Hadis Riwayat al-Bukhari

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.38 SUBUH 4.48 SYURUK 6.13 DUHA 6.37 ZUHUR 12.26 ASAR 3.51 MAGHRIB 6.36 ISYAK 7.52 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 80

3 JULAI 2024 / 1445 ذوالحجـة 26

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

PERUTUSAN TAHNIAH ATAS PELANTIKAN GOVERNOR-GENERAL, KOMANWEL AUSTRALIA



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama The Honourable Samantha Joy Mostyn AO berikut dengan pelantikannya sebagai Governor-General, Komanwel Australia yang Ke-28 baru-baru.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama The Honourable Samantha Joy Mostyn AO.

Doa Kesukuran sempena Puja Usia DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik

■ Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Julai. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Doa Kesukuran sempena Memperingati

Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang Ke-41 Tahun, di Dewan

An-Naura, Kompleks YSHHB.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengurus Jemaah Tadbir YSHHB berkenan berangkat ke majlis berkenaan.

>> Muka 2

Meningkatkan kualiti pengajaran, pencapaian pelajar

■ Oleh : Haniza Abdul Latif

JERUDONG, Selasa, 2 Julai. - Usaha-usaha terus dilaksanakan dengan keutamaan kepada meningkatkan kompetensi guru terutama dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang dihasrat akan dapat memberikan impak kepada peningkatan kualiti pengajaran dan seterusnya pencapaian pelajar.

>> Muka 7

Bendera besar berkibar megah di ibu negara

■ Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Julai. - Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) berkibar megah di ibu negara, sekali gus menandakan bermulanya pengibaran bendera peribadi bagi Pengiran-pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran dan Bendera NBD bagi orang ramai dan juga termasuk di bangunan-bangunan dan premis-premis perniagaan sehingga 31 Julai ini nanti.

Sehubungan itu, Upacara Pengibaran Bendera Besar NBD sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun.

diadakan di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun.

Upacara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dikelapai oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh.

>> Muka 4



Berita Utama



Muka 8



Muka 10



Muka 19



Muka 21

DOA KESYUKURAN SEMPENA PUJA USIA DYTM PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MALIK



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengurus Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia (kiri dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan

bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof selaku Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailara Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi

bin Haji Mohd. Yusof selaku Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah YSHHB; dan Setiausaha Tetap

(Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG

Julai MASIHI	HARI	Zulhijah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	RABU	26	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.36	7.52
4	KHAMIS	27	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
5	JUMAAT	28	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
6	SABTU	29	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52
7	AHAD	1 Muhamarram	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52
8	ISNIN	2	4.39	4.49	6.14	6.38	12.26	3.52	6.37	7.52
9	SELASA	3	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU		KHAMIS		JUMAAT	
Bandar Seri Begawan					
32 24 °C		32 25 °C		30 24 °C	
Pekan Bangar					
32 24 °C		31 25 °C		30 24 °C	
Pekan Tutong					
32 24 °C		32 25 °C		30 24 °C	
Kuala Belait					
32 25 °C		31 25 °C		30 24 °C	

Wallahu alam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

3 JULAI 2024

Lindungi generasi masa depan daripada bahaya dadah

AGAMA Islam menganjurkan umatnya agar sentiasa menjaga keselamatan diri, akal-nyawa, harta dan agama seperti mana yang dikehendaki dalam Maqasid Syariah. Di samping itu, agama Islam juga menganjurkan umatnya agar berikhtiar sedaya upaya menjauhkan diri daripada segala perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan dengan menjaga dan memelihara lima perkara tersebut.

Khatib dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini turut menyatakan bahawa antara perkara yang membawa kepada kerosakan dan kebinasaan itu ialah penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram. Penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram adalah antara punca kepada berlakunya penyakit sosial yang kian menular dan ia memberi kesan yang boleh merosakkan individu, masyarakat mahupun negara.

Mengikut statistik direkodkan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN), tangkapan terhadap individu yang telah berkeluarga menunjukkan peningkatan sejumlah 720 kes pada tiga tahun kebelakangan. Daripada statistik tersebut ia merupakan satu masalah serius yang semakin meningkat dalam masyarakat. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes penyalahgunaan dadah antaranya faktor sosial, ekonomi, budaya dan individu. Contohnya, tekanan sosial yang tinggi, kurangnya pendidikan, gangguan emosi dan keluarga yang berpecah-belah.

Oleh itu, kerjasama antara pihak berkuasa, masyarakat dan badan bukan kerajaan adalah sangat penting dalam usaha untuk mengurangkan peningkatan kes penyalahgunaan dadah dalam masyarakat. Dengan usaha bersepadan dihasratkan dapat mengatasi peningkatan penyalahgunaan dadah dan melindungi generasi masa depan daripada kesan negatif dadah.

Khatib turut menyatakan beberapa ciri masyarakat masa depan yang bebas daripada penyalahgunaan dadah antaranya, pertama ialah taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Masyarakat yang mengutamakan ketaatan kepada Allah dalam setiap aspek kehidupan termasuk menjalankan ibadah dengan penuh kesedaran dan keikhlasan serta mengikut ajaran Islam dalam segala hal. Manakala perkara kedua berkaitan dengan keadilan dan kesejahteraan, yang mana agama Islam menyuruh umatnya berperilaku adil, jujur dan bertanggungjawab dalam segala aspek kehidupan. Perkara ketiga pula, berhubungan etika dan moral, di mana masyarakat yang hidup berdasarkan etika dan moral yang tinggi sesuai dengan ajaran Islam. Sementara ciri terakhir ialah menitikberatkan perihal pendidikan dan pengetahuan di mana masyarakat sentiasa mencari ilmu dan meningkatkan kemampuan mereka untuk berkembang secara intelektual.

Bagi melahirkan generasi masa depan yang tanpa penyalahgunaan dadah memerlukan kerjasama daripada semua pihak. Dengan menyuntikkan nilai-nilai Islam yang kukuh pada diri masing-masing nescaya tidak akan terpengaruh dengan anasir penyalahgunaan dadah bahkan akan sentiasa mempertahankan nilai-nilai murni Islam. Dengan mengamalkan ajaran agama Islam yang lengkap, masyarakat kita akan terhindar daripada pengaruh negatif dan akan mampu menjaga agama, moral dan kehidupan sosial yang baik sesuai dengan ajaran agama Islam. - Ketua Penyuntingan (Rd)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیکن اوله جاین فراغن، جاین فردان منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan memotong Kek Ulang Tahun Puja Usia (kiri), manakala gambar atas, Duli Yang Teramat Mulia berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesukuran yang diadakan di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB.

>> Muka 2

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan diikuti dengan bacaan Doa Kesukuran Hari Ulang Tahun Puja Usia DYTM, yang dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Awang Murat.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Pada majlis berkenaan, DYTM berkenan memotong Kek Ulang Tahun Puja Usia dan menerima pesambahan dari YSHHB.

DYTM diputerakan pada 19 Ramadan 1403 Hijrah bersamaan 30 Jun 1983 Masihi.

DYTM telah dilantik menjadi Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB pada 18 Jamadiilakhir 1434H bersamaan 1 Mac 2013M.

Menerajui pucuk pimpinan

tertinggi di YSHHB, DYTM sangat prihatin terhadap pengurusan dan perkembangan YSHHB berkenaan.

DYTM juga sering berkenan mempengaruhi Mesyuarat Jemaah Tadbir, meninjau dan melibatkan diri dalam apa juga projek dan aktiviti yang diusahakan dan dianjurkan YSHHB.

Sempena Majlis Doa Kesukuran Memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia DYTM Ke-41 Tahun, YSHHB menyampaikan sumbangan kewangan yang keseluruhannya berjumlah BND50,000 kepada dua buah persatuan atau badan berkebajikan yang mengendalikan program-program pembangunan dan kemasyarakatan kepada golongan-golongan tertentu.

DYTM berkenan menyempurnakan penyampaian

sumbangan kewangan YSHHB kepada para penerima, iaitu Aftercare Support Association (AFSA) dan Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA).

YSHHB menyumbang sebanyak BND25,000 kepada AFSA bagi mengendalikan program-program memperkasa rakan seliaan.

Sumbangan berkenaan diterima oleh Yang Di-Pertua Persatuan AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Mohd. Jaya.

AFSA merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang mempunyai misi bersama dengan kerajaan dalam menangani kebajikan rakan seliaan.

Program-program yang telah dirancang adalah bagi memberi peluang kepada rakan-rakan seliaan dalam mempertingkatkan kemampuan diri agar dapat membangun diri sendiri, keluarga dan seterusnya negara.

Sementara itu, sumbangan YSHHB sebanyak BND25,000 kepada BASMIDA bagi menyediakan Pusat Persinggahan Aftercare atau Aftercare Drop-In Centre (ADIC), diterima oleh Yang Di-Pertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali.

BASMIDA adalah sebuah Persatuan Kebangsaan Anti-Dadah yang ditubuhkan pada 1989, dan persatuan berkenaan menjalankan kegiatan pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah dengan menggunakan pelbagai langkah yang strategik dengan melibatkan beberapa agensi kerajaan dan pelbagai lapisan masyarakat.

Melalui ADIC, BASMIDA telah pun merancang pelbagai program yang diharap akan dapat menyesuaikan bekas residen Pusat Al-Islam dengan

masyarakat umumnya.

Sumbangan berkenaan adalah merupakan keprihatinan YSHHB dalam melaksanakan objektif strategik bagi memberikan peluang alternatif kepada golongan sasar yang memerlukan bantuan melalui persatuan dan badan berkebajikan yang mengendalikan pembangunan terhadap golongan sasar yang memerlukan bantuan dan bimbingan.

Juga hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim; para jemputan khas, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta guru-guru Sekolah YSHHB.



DYTM berkenan menyempurnakan penyampaian sumbangan kewangan YSHHB kepada Aftercare Support Association (AFSA) dan Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) (atas dan kiri).

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja
TIDAK DIPERAKUAKAN




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.



✗ Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



BENDERA BESAR BERKIBAR MEGAH DI IBU NEGARA



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Kemudian pasukan seramai 78 orang pembawa Bendera NBD bergerak masuk yang terdiri daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Penjara, Jabatan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun hadir selaku tetamu kehormat pada upacara tersebut (atas). Manakala gambar kiri, penaikan dan pengibaran bendera dilakukan oleh anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei sambil diiringi nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan'.

Bomba dan Penyelamat, Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat serta Pasukan Pengibaran Bendera Besar NBD yang terdiri daripada anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei bergerak masuk dengan diiringi oleh Pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei.

Selepas itu, penerimaan dan penyerahan Bendera Besar NBD yang berukuran 3.7m x 7.5m disempurnakan oleh tetamu kehormat untuk dinaikkan dan dikibarkan.

Penaikan dan pengibaran bendera dilakukan oleh anggota-anggota Tentera Laut Diraja Brunei yang diketuai oleh 1287 Lettenan Madya Mohammad Firdaus bin Kolonel (B) Dato Paduka Haji Johari sambil diiringi nyanyian Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selepas itu, majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera

NBD berukuran 2.5m x 1.2m dan poster-poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi Tahun 2024 kepada Pemangku Pegawai-pegawai Daerah Brunei dan

Muara, Belait, Tutong dan Temburong.

Upacara tersebut juga dimeriahkan dengan nyanyian koir Persembahan Lagu 'Dirgahayu' dan 'Sanjungan Budi' yang dipersembahkan oleh seramai 50 orang mewakili Sekolah Seri Mulia Sarjana, Jangsak.



PENERIMAAN dan penyerahan Bendera Besar NBD yang berukuran 3.7m x 7.5m disempurnakan oleh tetamu kehormat untuk dinaikkan dan dikibarkan.



YANG Berhormat menyeraikan poster sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 (atas). Sementara gambar bawah dan kanan, sekitar upacara yang berlangsung di Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.



Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78

Daerah Brunei dan Muara



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam bagi Daerah Brunei dan Muara (atas dan atas kanan).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Isnin, 1 Julai. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) pagi tadi mengadakan Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Brunei dan Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Imam Tingkat II, Masjid Az-Zakireen Meragang, Awang Haji Shahbirin bin Haji Matnoor.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan tetamu kehormat menyerahkan Bendera Kebangsaan NBD kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi Upacara Menaikkan Bendera dengan diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Seterusnya, acara pengagihan bendera-bendera dan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada penghulu-penghulu mukim dan pemangku penghulu-penghulu mukim, wakil-wakil dari institusi-institusi pengajian tinggi, persekutuan-persekutuan,



persatuan-persatuan, pihak-pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), wakil Daerah Polis Brunei dan Muara, PPDB; Pasukan Pancaragam Jabatan Bomba dan Penyelamat, Program Khidmat Bakti Negara dan pasukan koir Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

Upacara berlangsung di Pekarangan Letak Kereta, JDBM, di sini turut dihadiri pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan JDBM dan media massa.

UPACARA berlangsung di Pekarangan Letak Kereta, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.



YANG Mulia Timbalan Menteri (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Daerah Tutong.

TUTONG, Isnin, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi Daerah Tutong, Tahun 2024 diadakan pagi tadi bertempat di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Terlebih dahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha

Daerah Tutong

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

dan doa oleh Ketua Imam Masjid Kampung Tanjong Maya, Awang Mohd. Latif bin Zaini.

Acara kemudian diteruskan dengan rombongan pembawa bendera negara diketuai oleh Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Haizul Rizal bin Haji Yahya, yang diiringi oleh seramai 78 anggota pasukan beruniform terdiri daripada Pasukan Kadet Tentera Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Kadet Polis Diraja Brunei, Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat, Pasukan Pandu Puteri, Pasukan Bulan Sabit Merah dan Pasukan Pengakap.

Bendera negara seterusnya diserahkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri dan kemudian diserahkan kepada Timbalan Menteri (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Bendera NBD oleh tetamu kehormat majlis kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, diikuti

dengan penaikan dan pengibaran bendera.

Acara juga turut disemarakkan lagi dengan Lagu 'Bendera Negara' oleh Kumpulan Koir Wira Bangsa dan para penuntut dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, diikuti dengan penyerahan Bendera NBD kepada penghulu-penghulu mukim dan Pemangku Penghulu-penghulu Mukim Daerah Tutong yang juga disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, para jemputan khas, ketua-ketua jabatan dan cawangan kerajaan di Daerah Tutong, penghulu-penghulu mukim, pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan Pemangku Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

Dengan berkibarnya Bendera Besar NBD berkenaan menandakan bermulanya pengibaran bendera peribadi masing-masing bagi Pengiran-pengiran dan mereka yang dikurniakan gelaran, dan Bendera NBD bagi orang ramai juga termasuk di bangunan-bangunan dan premis-premis perniagaan sehingga 31 Julai 2024.



UPACARA Pengibaran Bendera NBD di kawasan Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78

Daerah Belait

Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Isnin, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 Peringkat Daerah Belait diadakan di Taman Persiaran Cendera Kenangan, Jalan Sungai, Kuala Belait, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji

Mohd. Hanifah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat bagi memohon keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 Tahun berjalan lancar diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Afiq Haririe bin Haji Mat Daud.

Selepas bacaan doa, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad seterusnya menyerahkan bendera kepada tetamu kehormat dan

YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Daerah Belait (kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara persembahan pada upacara berkenaan.

bendera tersebut diserahkan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, Kuala Belait untuk dikibarkan.

Upacara Pengibaran Bendera diiringi dengan Lagu 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Pasukan Koir Pusat Tingkatan Enam Belait. Sesudah bendera dikibarkan pasukan koir meneruskan persembahan dengan nyanyian Lagu 'Bendera Negara' dan 'Rahmat'.

Selesai sahaja persembahan, tetamu kehormat kemudiannya menyerahkan Bendera-bendera NBD kepada penghulu-penghulu dan pemangku-pemangku penghulu mukim serta wakil dari persatuan-persatuan di Daerah Belait untuk dikibarkan selepas acara ini dijalankan.

Salah satu peranan dan tanggungjawab rakyat dan penduduk negara ini secara individu dalam sama-sama meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah mengibarkan Bendera NBD di halaman rumah masing-masing, iaitu sebagai simbol taat setia kepada baginda dan menurunkannya mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan.

Juga hadir pada upacara tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ahli-ahli Jawatankuasa Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM yang Ke-78 bagi



PASUKAN Polis Diraja Brunei, Kuala Belait semasa menaikkan Bendera NBD.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TEMBURONG, Isnin, 1 Julai. - Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78, Tahun 2024 bagi Daerah Temburong diadakan di Kawasan Lapang Taman Perayaan, Pekan Bangar.

Pada upacara tersebut, Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang), di Jabatan Perdana

Menyuarat Negara, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu hadir selaku tetamu kehormat bagi menerima Bendera NBD daripada Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Bahar bin Haji Umar selaku Pengerusi Bersama majlis.

Bendera negara kemudiannya diserahkan oleh tetamu kehormat kepada anggota Pasukan Polis Diraja Brunei untuk dinaik-kibarkan sambil diiringi nyanyian Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' oleh Kumpulan

Koir daripada penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong dan diteruskan dengan Lagu 'Bendera Negara'.

Tetamu kehormat seterusnya menyerahkan Bendera-bendera NBD kepada pemangku penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung, ketua-ketua cawangan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Temburong berserta guru-guru besar sekolah-sekolah rendah di Kawasan Zon 2, Daerah Temburong.

Terdahulu, majlis dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatiha dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Mohd. Syahmi bin Zaini.

Antara yang hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir; pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung, ketua-ketua cawangan Jabatan-jabatan Kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan Persatuan-persatuan Bukan Kerajaan (NGO).

Dengan Majlis Pengibaran Bendera ini orang ramai diminta bagi menaikkan Bendera NBD dan bagi orang-orang yang bergelar menaikkan bendera peribadi masing-masing bermula pada 1 Julai 2024 hingga 31 Julai 2024.

Tahun 2024 Peringkat Daerah Belait, ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait, penghulu mukim dan pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan pemangku-pemangku ketua kampung, Pengetua-pengetua Sekolah Daerah Belait, pengarah-pengarah urusan syarikat, Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Belait serta wakil dari persatuan-persatuan.

Daerah Temburong




YANG Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Pengibaran Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Daerah Temburong (atas dan bawah).



PASUKAN Polis Diraja Brunei semasa menaikkan Bendera NBD.

YANG DI-PERTUA MMN TERIMA KUNJUNGAN MUHIBAH



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima kunjungan muhibah daripada Naib Ketua Badan Kehormatan, Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia (DPDRI), Yang Berhormat Drs. Made Mangku Pastika dan disertai oleh rombongan seramai sembilan orang Ahli Parlimen (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Julai. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang

Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini telah menerima kunjungan muhibah daripada Naib Ketua Badan Kehormatan, Dewan Perwakilan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ak. Md Hasnal Ali Saodiqen Pg. Haji Abu Bakar

Daerah Republik Indonesia (DPDRI), Yang Berhormat Drs. Made Mangku Pastika dan disertai oleh rombongan seramai sembilan orang Ahli Parlimen.

Majlis diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Semasa sesi kunjungan muhibah tersebut, kedua-dua pihak menyentuh mengenai kemajuan dan pembangunan kedua-dua negara serta menghargai hubungan kerjasama dan persahabatan yang telah lama terjalin antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia.

Sesi kunjungan muhibah juga menyentuh berkenaan kod etika dan tatakelakuan Ahli Parlimen.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua MMN mengongsikan bahawa Peraturan-peraturan MMN (Standing Orders) merupakan panduan penting dalam

mengendalikan mesyuarat, proses meluluskan undang-undang, pertanyaan dan hak Ahli MMN.

Yang Berhormat Naib Ketua Badan Kehormatan, Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia pula mengongsikan bahawa Badan Kehormatan telah ditubuhkan sejak tahun 2004 khusus bagi memantau tatakelakuan dan etika Ahli-ahli Parlimen dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Kunjungan muhibah tersebut juga diteruskan dengan sesi dialog antara rombongan Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia bersama dengan Ahli-ahli MMN yang hadir.

Perbincangan memberikan tumpuan secara terperinci mengenai kod etika dan tatakelakuan Ahli Parlimen serta proses-proses yang berkaitan. Kedua-dua pihak juga bertukar-tukar pendapat

dan pandangan mengenai kepentingan Ahli-ahli Parlimen dalam memastikan integriti dengan mengamalkan nilai-nilai kejujuran, keikhlasan dan keluhuran dalam semua urusan.

Sesi dialog juga menumpukan perbincangan berkenaan pelbagai usaha mengenai pengukuhan ekonomi melalui Perusahaan Kecil dan Sederhana (SMEs) dan aspek-aspek kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyat.

Sesi tersebut diakhiri dengan lawatan ke Dewan Persidangan MMN.

Turut hadir, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah dan sembilan Ahli MMN.



Meningkatkan kualiti pengajaran, pencapaian pelajar



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil dan hadiah kepada penerima (atas). Manakala gambar bawah, Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar semasa berucap pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar pada Majlis Penghargaan Pelajar-pelajar dan Guru-guru Cemerlang yang berlangsung di Dewan Persidangan BRIDEX, pagi tadi.

Awang Haji Shamshol selaku Pengerusi Majlis seterusnya menjelaskan, antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah Program Tahsin Qiraatil Quran, yang memfokuskan ke arah peningkatan kemahiran dan kompetensi guru dalam pembacaan dan pengajaran Al-Quran; dan Pengukuhan Program At-Tatweer

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

yang merupakan platform bagi perkembangan profesional guru-guru melalui sesi bengkel secara berjadual, sesi kongsi sama pengajaran berkesan dan amalan terbaik yang disesuaikan dengan perkembangan pendidikan masa kini.

Dalam pada itu tambahnya, kesejahteraan tenaga pengajar turut menjadi keutamaan jabatan dengan memberikan sokongan emosi dan psikologi melalui penyediaan beberapa perkhidmatan sokongan antaranya; sesi kaunseling, perkhidmatan 'Talian Syifa' bagi guru-guru termasuk pelajar dan ibu bapa untuk mengongsikan permasalahan dan aduan berkaitan dengan kesejahteraan dan kebajikan mereka.

Menurutnya, di samping program dalam bentuk Forum Kesihatan Mental, ceramah motivasi dan penganjuran acara riadah sebagai galakan untuk mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan warga jabatan dan di peringkat sekolah.

"Semua perancangan dan inisiatif tersebut memerlukan kerjasama secara bersepada bukan hanya di peringkat kementerian dan jabatan, bahkan juga turut melibatkan peringkat pemimpin sekolah dan tenaga pengajar termasuklah ibu bapa dan para pelajar," ujarnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil dan hadiah ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang

Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Mohammad Zawawi bin Awang Haji Mohamad Zul'izzi dan Muhd Syamil bin Haji Kamarul Azzam, murid-murid dari Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Majlis turut diserikan dengan Persembahan Puisidra 'Kita Terus Berjalan' daripada pelajar-pelajar Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Pada majlis tersebut, seramai 124 pelajar menerima Anugerah Pencapaian Cemerlang bagi Tahun 2023 mengikut kategori iaitu 10 pelajar terbaik dalam Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB); tiga pelajar terbaik / teratas dalam Brunei Cambridge GCE 'A' Level; 10 pelajar terbaik dalam Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB); seorang pelajar terbaik dalam BCGCE 'O' Level; 50 pelajar terbaik (Top 50) dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Rendah Ugama; dan 50 pelajar terbaik (Top 50) dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah Arab bagi Penilaian Sekolah Rendah (PSR).

Sementara itu, 49 guru mithali diberikan Anugerah Penghargaan, mengikut kategori yang telah ditetapkan iaitu lapan guru bagi Peperiksaan STPUB; lapan guru bagi Peperiksaan Pra-STPUB; sembilan guru bagi Peperiksaan SPUB, lapan guru bagi Peperiksaan BCGCE 'O' Level, seorang guru bagi mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam dalam Peperiksaan BCGCE 'O' Level, 10 guru bagi

Peperiksaan SSSRU Darjah VI dan lima guru bagi peperiksaan PSR.

Manakala dua buah sekolah menerima Anugerah Madrasah Mutaqaddimah iaitu Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong bagi persekolahan Arab; dan Sekolah Ugama Pelambayan, Brunei I bagi sekolah ugama.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Abdul Razak bin Haji Mohd Daud.

Antara objektif majlis tersebut diadakan adalah sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alaa dan seterusnya memberi pengiktirafan kepada kecemerlangan akademik dan usaha gigih pelajar-pelajar khususnya dalam peperiksaan awam pada tahun 2023 yang lalu.

Di samping itu, ia juga dihasratkan sebagai satu insentif kepada pelajar-pelajar yang diraikan dan motivasi kepada pelajar-pelajar lain supaya akan terus mempertingkatkan usaha dan pencapaian akademik mereka dari semasa ke semasa.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar & Keugamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadillah bin Haji Mohd Salleh.



Doa Kesyukuran sempena Puja Usia DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik



Oleh : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie hadir pada Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Berakas (atas), manakala gambar atas kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

BERAKAS, Selasa, 2 Julai. - Sempena memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ke-41 Tahun, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-

jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diadakan di Masjid Ash-Shaliheen, Berakas, di sini.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

(B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Doa

Khas sempena memperingati Hari Ulang Tahun Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik Ke-41 Tahun yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Acara kemudian diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Majlis Doa Kesyukuran diadakan

sebagai tanda merafakkan syukur dan seterusnya berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar melimpahkan kurnia kesihatan, panjang umur dan kesejahteraan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia dan juga kerabat diraja yang lain.

Juga hadir, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

ROMBONGAN PETUGAS JEMAAH HAJI NEGARA SELAMAT PULANG KE TANAH AIR

YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir mengalu-alukan kepulangan rombongan tersebut di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Julai. - Seramai 13 orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam (NBD) Pentadbiran dan Perubatan bagi Musim Haji 1445 Hijrah / 2024 Masihi terdiri daripada lima orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Pentadbiran dan lapan orang Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Perubatan selamat pulang ke tanah air pada jam 7.08 malam tadi.

Rombongan yang diketuai oleh Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD Pentadbiran iaitu Awang Haji Abdullah bin Haji Mohamad telah bertolak ke Kerajaan Arab Saudi pada 11 Mei 2024 yang lalu bagi membuat persiapan-persiapan awal bersama pihak-pihak berkenaan



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

di Kerajaan Arab Saudi mengenai pengurusan hal ehwal haji sebelum ketibaan jemaah haji NBD ke Tanah Suci.

Hadir bagi mengalu-alukan kepulangan rombongan tersebut di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut mengalu-alukan kepulangan rombongan, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Bagi memberkati kepulangan rombongan berkenaan, Doa Selamat dibacakan oleh Guru Ugama Pejabat Urusan Jemaah Haji NBD, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.



جاین فرانځنځ ایکونومی دان سټاپیستیک
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHVAL PENGURUTAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulikan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

NBD-KANADA RAIKAN ULANG TAHUN HUBUNGAN DIPLOMATIK KE-40

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN,
Isnin, 1 Julai. - Suruhanjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam malam tadi mengadakan Majlis Resepsi bagi meraikan Canada Day in Concert sempena Sambutan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik Ke-40 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kanada.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha dan isteri, Datin Hajah Mahayon binti Haji Mohammad Taha.

Acara dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Kebangsaan Kanada 'O Canada' yang dimainkan oleh pemain piano muda Brunei, Rayyan Rasimoon.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Puan Yang Terutama Ambra Dickie melahirkan ucapan tahniah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas 40 Tahun Kemerdekaan.

Puan Yang Terutama Ambra

Dickie juga merakamkan ucapan penghargaan kepada rakan-rakan NBD dari semua sektor, awam, swasta dan bukan kerajaan atas persahabatan dan sokongan selama 40 tahun yang lalu.

"Kami tidak mungkin berada di sini hari ini tanpa awda dan mengharapkan pencapaian yang lebih berjaya bagi kedua-dua buah negara 40 tahun akan datang.

"Inilah masanya untuk kita melihat masa depan rantau kita dan untuk membangun hubungan, kedua-dua politik dan komersial, yang akan menyokong masa depan yang makmur, sihat dan terjamin bagi kedua-dua rakyat kita. Kita tahu bahawa kita lebih kuat apabila kita berdiri bersama," ujarnya.

Puan Yang Terutama turut merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara NBD dan Kanada.

Kanada menjalankan hubungan diplomatik dengan NBD pada 7 Mei 1984 di mana kedua-dua buah negara membuka Suruhanjaya Tinggi di Bandar Seri Begawan dan Ottawa antara 1995 dan 1996.

Dua acara juga diadakan barubaru ini menandakan sambutan berkenaan iaitu pertama, Hockey



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan isteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi bagi meraikan Canada Day in Concert sempena Sambutan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik Ke-40 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Kanada. Juga hadir, Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD.

Morning in Brunei semasa Bandarku Ceria dan kedua ialah pembentangan mengenai 'Muslim Contributions to Peace Through Dialogue' yang disampaikan oleh Profesor dari Kanada, Profesor Dr. Patrice Brodeur. Lebih banyak acara akan diadakan sehingga akhir tahun ini bersempena sambutan berkenaan.

Manakala logo khas bagi

menandakan sambutan tersebut turut dicipta yang memperkenalkan simbol kebangsaan Kanada dan NBD iaitu Daun Maple dan Bunga Simpur di mana gaya reka bentuknya diilhamkan oleh jubin, tekstil dan corak kedua-dua buah negara yang keseluruhannya mewujudkan kesinambungan antara elemen yang menunjukkan kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Pada majlis itu, PYT juga menyampaikan tanda penghargaan kepada tetamu kehormat dan isteri.

Lebih 100 tetamu dihidangkan dengan hidangan khas Kanada dan dihiburkan dengan persembahan piano oleh pemain piano dan juga pemuzik terbaik Kanada, Tony Yike Yang.



Pameran Tekstil eratkan lagi hubungan NBD, Bangladesh

SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Pameran Tekstil. Turut hadir, Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam (kanan dan kiri).



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

KOTA BATU, Selasa, 2 Julai. - Suruhanjaya Tinggi Bangladesh di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Pameran Tekstil bersempena meraikan Sambutan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik antara NBD dan Republik Rakyat Bangladesh Ke-40.

Pameran yang diadakan di Muzium Teknologi Melayu, Kota Batu itu mempamerkan pelbagai tekstil berasal dari Bangladesh, memperlihatkan kekayaan warisan budaya dan pertukangan tangannya.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pameran berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Turut hadir semasa perasmian

tersebut, Pesuruhjaya Tinggi Republik Rakyat Bangladesh ke NBD, Puan Yang Terutama Nahida Rahman Shumona.

Sebagai sebahagian daripada sambutan itu, Suruhanjaya Tinggi Bangladesh juga menyumbangkan empat koleksi sari antik (vintage) bagi koleksi Muzium Brunei, dihasilkan untuk mengukuhkan lagi hubungan budaya antara kedua-dua negara.

Di samping itu juga diadakan persembahan muzik yang memberikan peluang orang ramai mengalami sendiri tradisi muzik Bangladesh.

Sambutan Memperingati 40 Tahun Hubungan Diplomatik antara Republik Rakyat Bangladesh dan NBD ini

menggariskan hubungan mesra dan kerjasama yang erat di antara kedua-dua buah negara.

Pameran Tekstil yang merangkumi tekstil sari dan persembahan muzik itu juga bertujuan untuk memupuk pemahaman mendalam dan penghargaan yang lebih tinggi antara rakyat Bangladesh dan NBD.

Dengan adanya kerjasama di antara Jabatan Muzium-Muzium dan Suruhanjaya Tinggi Bangladesh dalam melaksanakan pameran ini akan menandakan satu pencapaian yang penting dalam hubungan dua hala. Pameran Tekstil tersebut dibuka bagi kunjungan orang ramai bermula hari ini sehingga 16 Julai 2024.

AKTIVITI SEMPENA SAMBUTAN HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024

PAMERAN MANIK : 1000 TAHUN
18 MEI - 18 OGOS 2024
RUANG LEGAR, MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

SIRI ARKEOLOGI
25 MEI, 29 JUN & 6 JULAI 2024
MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

KENALI ARKEOLOGI
23 & 29 MEI, 20 & 27 JUN, 6 & 25 JULAI & 1 OGOS 2024
MUZIUM MARITIM BRUNEI DARUSSALAM

www.museums.gov.bn

JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

INTERNATIONAL MUSEUM DAY
MUSEUMS FOR EDUCATION AND RESEARCH

PELAJAR JIS PELAJARI SENI MASAKAN JEPUN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Julai. - Seramai 19 pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) petang tadi berpeluang menyertai Sesi Demonstrasi Memasak sebagai sebahagian daripada Aktiviti JIS Enrichment Week.

Mandangkan masakan Jepun merupakan salah satu masakan popular yang dinikmati di Negara Brunei Darussalam, para pelajar berpeluang mempelajari cara penyediaan sushi.

Demonstrasi Memasak yang diadakan di Kediaman Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Sungai Tilong, di sini, dibimbing oleh cef kepada Duta Besar Jepun, Cef Shimizu.

Hadir bagi mengalu-alukan para

pelajar ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Maeda Toru.

Bengkel memasak diharap dapat memupuk apresiasi yang mendalam terhadap seni masakan Jepun dan mengembangkan kemahiran memasak bagi para pelajar. Acara tahunan JIS Enrichment Week yang turut disokong oleh Kedutaan Jepun itu diadakan bermula 1 hingga 5 Julai 2024.

Antara aktiviti yang diadakan termasuk demonstrasi memasak, kaligrafi, *bon-odori*, sesi pemakaian Yukata, judo, 3 Gagaheads Comedy Performance, Japanese Radio Taiso (senaman pagi) dan pengenalan mengenai Japanese Yokai (*monsters*), dengan bantuan Persekutuan Judo Brunei, Ms.

Keiko Nakazono, The 3 Gagaheads Performers dan Kedutaan Jepun.


Pelajar JIS juga akan berpeluang menyelami budaya asli Jepun dan moden melalui aktiviti yang diadakan.

TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan para pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) (kanan). Sementara gambar bawah kiri, para pelajar berpeluang menyertai Sesi Demonstrasi Memasak sebagai sebahagian daripada Aktiviti JIS Enrichment Week.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun

PenggunaBijak



Upacara Menaikkan Bendera Peringkat Mukim Berakas ‘A’, ‘B’



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan dan Mengibarkan Bendera Peringkat Mukim Berakas ‘A’ dan ‘B’ Zon 2 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun (kanan dan kiri).

LAMBAK KANAN, Selasa, 2 Julai. - Upacara Menaikkan dan Mengibarkan Bendera Peringkat Mukim Berakas ‘A’ dan ‘B’ Zon 2 bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun telah diadakan hari ini dan majlis tersebut berlangsung di Dewan Kemasyarakatan 1, Jalan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan. Juga hadir,



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

pemangku-pemangku penghulu mukim, ketua-ketua kampung serta Pemangku Ketua Kampung Mukim Berakas ‘A’ dan ‘B’ serta para jemputan. Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Lambak Kanan, Awang Haji Fazly bin Haji Suhaili. Seterusnya Upacara Menaikkan Bendera oleh Ahli-ahli Majlis Perundungan Kampung Sungai Tilong dengan diiringi Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’. Majlis kemudian diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

MAJLIS MENAIKKAN BENDERA TERUS GIAT DILAKSANAKAN



Berita dan Foto :
Ihsan Majlis Perundingan Kampung RPN Kampung Mentiri



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat pada Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam di kawasan Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri dan kanan).

MENTIRI, Selasa, 2 Julai. - Bagi menanamkan perasaan kasih kepada raja, Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024 telah diadakan oleh pelbagai pihak termasuk sektor kerajaan, swasta dan persendirian.

Sehubungan itu, Penghulu dan Pemangku-pemangku Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung

dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Zon 3 tidak ketinggalan mengadakan upacara yang sama bertempat di kawasan Dewan Kemasyarakatan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Md. Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat dan Yang Berhormat Awang Haji Daud

bin Jihan.

Terlebih dahulu acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat oleh Pemangku Ketua Kampung Kawasan 4, RPN Kampung Panchor, Awang Faidil Rosemady bin Mohammad.

Majlis kemudian diteruskan dengan perbarisan seramai 12 pembawa bendera negara terdiri daripada Pasukan Kadet Polis Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja, diikuti dengan penyerahan bendera negara yang disampaikan oleh Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Haji

Awang Md. Eddie Hardey bin Haji Awang Ibrahim juga selaku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Panchor kepada tetamu kehormat majlis.

Bendera negara seterusnya diserahkan kepada Pasukan Kadet Polis Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja untuk dinaikkan

dan diiringi Lagu Kebangsaan.

Juga hadir pada majlis tersebut, Penghulu dan Pemangku Penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung serta ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kawasan 1 dan 2 RPN Kampung Mentiri.

MPM Liang adakan Majlis Pengibaran Bendera NBD

MAJLIS Perundingan Mukim (MPM) Liang semasa mengadakan Majlis Pengibaran Bendera bagi mukim berkenaan (kanan dan bawah).



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Selasa, 2 Julai. - Dengan berkibarnya Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) di ibu negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-78 bagi Tahun 2024, Majlis Perundingan Mukim (MPM) Liang turut sama meraikannya dengan mengadakan Majlis Pengibaran Bendera bagi mukim berkenaan.

Acara yang berlangsung di

pekarangan Kelab Rekreasi Liang Lumut tersebut dihadiri oleh Penghulu Mukim Liang, Awang Haji Mohamad Yamin bin Haji Abdul Ranni selaku tetamu kehormat

majlis.

Atur cara terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Selamat diikuti dengan penyerahan bendera oleh tetamu kehormat kepada Ketua Pasukan Penaik Bendera, Awang Hamdi Zukery bin Haji Lajim untuk dinaik-kibarkan oleh wakil-wakil gabungan persatuan di bawah Majlis Perundingan Kampung dan MPM Liang. Majlis juga diserikan dengan Persembahan Seni Silat oleh Ahli-ahli Pertubuhan Seni Warisan Pelangi.

Majlis seumpamanya merupakan Aktiviti Tahunan MPM Liang menjelang Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selain meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Julai. - Dengan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) mula berkibar megah di ibu negara pada 1 Julai, pelbagai pihak di negara ini telah mengadakan Upacara Menaikkan Bendera bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun.

Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) juga tidak ketinggalan untuk mengadakan upacara seumpamanya di ibu Pejabat PPNBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Penolong-penolong Pesuruhjaya Pengakap, Memimpin-pemimpin Pengakap serta Ahli-ahli Pengakap Kelana.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Upacara Menaikkan Bendera disempurnakan oleh Ahli-ahli Krew Pengakap Kelana Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan irungan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Dengan adanya Upacara Menaikkan Bendera berkenaan diharap akan dapat memberi kesedaran kepada Ahli-ahli Pengakap agar sama-sama menaikkan bendera negara bagi memperingati dan memeriahkan hari kebesaran negara iaitu Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-78 Tahun.



PPNBD adakan Upacara Menaikkan Bendera NBD



PERSEKUTUAN Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) tidak ketinggalan mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam di ibu Pejabat PPNBD.

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Julai. - Dengan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) mula berkibar megah di ibu negara pada 1 Julai, pelbagai pihak di negara ini telah mengadakan Upacara Menaikkan Bendera bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun.

Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) juga tidak ketinggalan untuk mengadakan upacara seumpamanya di ibu Pejabat PPNBD, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Ar. Haji Idris bin Haji Abas. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Pengakap Kebangsaan, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Penolong-penolong Pesuruhjaya Pengakap, Memimpin-pemimpin Pengakap serta Ahli-ahli Pengakap Kelana.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. Upacara Menaikkan Bendera disempurnakan oleh Ahli-ahli Krew Pengakap Kelana Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan irungan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Dengan adanya Upacara Menaikkan Bendera berkenaan diharap akan dapat memberi kesedaran kepada Ahli-ahli Pengakap agar sama-sama menaikkan bendera negara bagi memperingati dan memeriahkan hari kebesaran negara iaitu Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-78 Tahun.

UTB ANJUR SIMPOSIUM MENGENAI AI, TRANSFORMASI DIGITAL

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



TUNGU, Isnin, 1 Julai. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) petang tadi menganjurkan simposium mengenai 'AI dan Transformasi Digital' yang diadakan di Teater Kuliah 4, universiti berkenaan, di sini.

Hadir mewakili Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh selaku tetamu kehormat majlis. Juga hadir sama ialah Naib

Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Atur cara terdahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Penolong Naib Canselor (Pelajar, Alumni dan Perkhidmatan), Dr. Awang Au. Thien Wan, mewakili Penolong Naib Canselor (Perhubungan Luar dan Industri).

Sejurus itu, penyampaian ucaptama oleh Pengurus

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Tinggi) Kementerian Pendidikan mewakili **Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)** Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada simposium mengenai 'AI dan Transformasi Digital' (atas), manakala gambar atas kiri, penyampaian ucaptama oleh Pengurus Besar Digital Inovasi di Shell, Hariharasudhan Ramani.

Besar Digital Inovasi di Shell, Hariharasudhan Ramani.

Dalam ucaptamanya, beliau membincangkan kesan transformatif AI merentas industri, menekankan

peranannya dalam menambah baik kecekapan operasi dan memacu inovasi.

Simposium diakhiri dengan sesi soal jawab interaktif, melibatkan

penyertaan para pensyarah serta hadirin yang hadir dalam mendapatkan pandangan praktikal AI dan aplikasi transformasi digital.



MINDA PEMBACA

Hentikan generasi pembuli

SESEBUAH negara yang membangun sentiasa menaruh harapan tinggi terhadap kualiti insan generasi penerus yang juga merupakan peneraju masa depan negara. Namun begitu, pelbagai cabaran sentiasa menganggu gugat. Permasalahan sosial seperti buli adalah antara cabaran yang sering kali dihadapi.

Buli adalah perbuatan oleh individu atau secara berkumpulan yang menggunakan kekuatan atau kekerasan untuk menakutkan, mengganggu, menghinai atau menyakitkan orang lain melalui pelbagai kaedah sama ada secara fizikal, mental atau emosi.

Dewasa ini, perbuatan buli bukan sahaja berlaku di sekolah malahan di institusi pengajian tinggi dan juga di tempat kerja serta dalam media sosial.

Punca terjadinya perbuatan buli terdiri daripada pelbagai faktor antaranya kurang didikan dan penghayatan agama atau moral, kurang perhatian dan kasih sayang, peniruan gaya hidup dalam keluarga, kurang pemantauan, mahu pengiktirafan rakan sebaya, inginkan perhatian orang sekeliling dan terdedah dengan pengaruh negatif dari media sosial atau rancangan bercorak keganasan.

Perbuatan buli memberi impak yang mendalam kepada mangsanya baik

dalam jangka masa pendek mahupun panjang. Buli boleh mengakibatkan kecederaan fizikal seperti lebam atau luka, gangguan atau tekanan emosi, kemurungan, kurang keyakinan diri, prestasi pelajaran atau reputasi pekerjaan yang merosot dan dendam.

Perbuatan buli sewajarnya ditangani secara tuntas agar gejala ini tidak menular hingga menjadi kes jenayah sekiranya ia gagal dibendung. Kita tidak boleh berkompromi dalam hal yang melibatkan buli serta menegaskan bahawa perbuatan buli ini merupakan salah laku yang berat dan tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak.

Oleh yang demikian, menjadi

tanggungjawab setiap individu untuk bersama-sama menangani dan membasi perbuatan buli daripada terus merebak yang boleh mencalarkan dan merosakkan imej serta masa depan negara. Negara sentiasa bergantung harap kepada kualiti sumber manusia untuk maju. Nilai-nilai murni perlu diterapkan sejak kecil lagi demi membina jati diri yang baik serta memberikan bimbingan dan kesedaran yang berterusan tentang bahaya buli agar dapat melahirkan generasi berintegriti yang berilmu, berakhlik dan berjaya.

Nama : Hazey Suzainah binti Shaya
No. K/P : 00-321XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Bersama Memupuk Pembangunan Mampan'. Tarikh Tutup : 3 Julai 2024
- 'Jangan Ambil Mudah Isu Pergaulan Bebas'. Tarikh Tutup : 10 Julai 2024
- 'Cara-Cara Menghindari Penyalahgunaan Dadah'. Tarikh Tutup : 17 Julai 2024

Termasuk Syarat :


- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Kedudukan Sembahyang Maknum Yang Batal Sembahyang Imamnya



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ANTARA syarat sah sembahyang berjemaah ialah maknum hendaklah mengetahui dengan yakin atau berdasarkan dengan sangkaannya yang kuat bahawa sembahyang yang dikerjakan oleh imam tersebut tidak batal. Perkara-perkara yang membatalkan sembahyang imam seperti imam dalam keadaan berhadats, menanggung najis atau selainnya.

Sebagaimana yang diketahui, syarat sah sembahyang itu antaranya ialah suci daripada hadats kecil atau hadats besar seperti junub, haidh atau nifas. Orang yang mengerjakan sembahyang dalam keadaan berhadats hukum sembahyangnya adalah tidak sah sebagaimana hadits daripada Abu al-Malih daripada bapanya Radhiallahu 'anhuma bahawa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Allah tidak menerima sembahyang tanpa bersuci.

(Hadits riwayat an-Nasa'i dan Abu Daud)

Antara syarat sah sembahyang itu juga ialah suci pakaian, tubuh badan dan tempat sembahyang daripada najis. Tidak sah sembahyang seseorang jika terdapat najis yang tidak dimaafkan pada pakaian, tubuh badan atau tempat sembahyang. Begitu

juga, tidak sah sembahyang walaupun dia tidak tahu (jahil) akan kewujudan najis tersebut atau tidak tahu bahawa najis tersebut membatalkan sembahyang. Dalam hal ini, wajib baginya mengulang sembahyang.

Oleh itu, orang yang hendak mengerjakan sembahyang mengikut imam sedangkan dia tahu sejak dari permulaan dia mengikuti imam bahawa imam tersebut batal sembahyangnya kerana berhadats atau kerana menanggung najis, maka hukum sembahyang maknum tersebut adalah tidak sah.

Demikian juga, tidak sah sembahyang maknum yang tahu mengenai hadats atau najis pada imam namun dia lupa mengenainya, lalu dia mengerjakan sembahyang mengikut imam tersebut. Apabila maknum teringat mengenai perkara ini dan menurut pengetahuan maknum tidak ada kemungkinan imam tersebut telah bersuci daripada hadats atau najis tersebut, maka wajib bagi maknum mengulang sembahyang.

Namun persoalan yang timbul, bagaimana pula kedudukan sembahyang maknum jika dia hanya mengetahui bahawa sembahyang imam adalah batal setelah selesai daripada sembahyang berjemaah atau semasa sedang sembahyang? Berikut adalah penjelasan mengenainya.

Orang yang mengerjakan sembahyang mengikut seseorang yang pada sangkaannya mempunyai kelayakan (sah) menjadi imam, akan tetapi setelah selesai sembahyang atau semasa sedang sembahyang jelas kepada maknum bahawa imam berkenaan tidak mempunyai kelayakan sebagaimana yang disangkakan oleh maknum. Dalam hal ini, kedudukan sembahyang maknum adalah tertakluk kepada dua perkara berikut:

i. Perkara yang membatalkan itu tersembunyi

Perkara-perkara yang membatalkan sembahyang imam itu tersembunyi seperti imam sembahyang dalam keadaan berhadats sama ada hadats kecil atau hadats besar, imam meninggalkan niat sembahyang, imam menanggung najis khafiy pada tubuh badan atau pakaian dan perkara selainnya. Maksud najis khafiy ialah najis yang terdapat di bahagian dalam pakaian imam iaitu maknum tidak nampak najis tersebut apabila maknum mengamati pakaian imam. Maka kejadian

maknum mengetahui perkara-perkara yang tersembunyi seperti perkara di atas adalah suatu keuzuran.

Jika maknum tahu mengenai perkara ini setelah selesai mengerjakan sembahyang bersama imam, maka maknum tidak wajib mengulang sembahyangnya. Sebagai contoh, orang yang sembahyang mengikut seseorang dan menurut sangkaannya imam tersebut mengerjakan sembahyang dalam keadaan berwudhu'. Walau bagaimanapun setelah selesai sembahyang berjemaah, maknum mendapat tahu bahawa imam mengerjakan sembahyang dalam keadaan berhadats. Dalam hal ini, hukum sembahyang maknum adalah sah walaupun imam sembahyang dalam keadaan berhadats besar. Maknum tidak wajib mengulang sembahyangnya kerana maknum tidak dikatakan cuai dalam meneliti atau memeriksa perkara ini sebelum sembahyang mengikut imam tersebut. Di samping itu, perkara mengenai imam sembahyang dalam keadaan berhadats sama ada hadats kecil atau besar adalah perkara yang tersembunyi, tidak mudah untuk diketahui oleh maknum pada kebiasaannya dan ia tidak mempunyai petanda. Malah maknum juga memperolehi ganjaran pahala sembahyang berjemaah bersama imam.

As-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* menjelaskan perkara ini ketika mensyarah kitab Fath al-Mu'in karangan Imam Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah*:

Ertinya : Tidak (tidak wajib baginya mengulang sembahyang) jika dia mengikut seseorang yang disangkanya dalam keadaan suci kemudian nyata kepada dia (imam) dalam keadaan berhadats sekalipun hadats besar, atau dia (imam) dalam keadaan bernajis khafiy.

Jika maknum tahu mengenai perkara ini semasa sedang mengerjakan sembahyang bersama imam, maka kedudukan sembahyang maknum tertakluk kepada dua keadaan berikut.

Pertama, imam masih meneruskan sembahyangnya. Dalam keadaan ini, maknum wajib *mufaraqah* daripada imam tersebut dengan benniat *mufaraqah* (memutuskan dari mengikut imam). Setelah benniat *mufaraqah* adalah memadai bagi maknum untuk meneruskan dan menyempurnakan sembahyangnya secara sendirian sehingga selesai. Maknum tidak wajib memutuskan atau menghentikan sembahyangnya itu dan mengerjakannya

dari mula (*isti'naf*). Sekiranya maknum masih meneruskan sembahyangnya mengikut imam tersebut atau maknum meneruskan sembahyangnya secara sendirian tanpa benniat *mufaraqah*, maka batal sembahyangnya.

Kedua, imam menghentikan sembahyangnya seperti imam keluar meninggalkan tempat sembahyang tersebut. Dalam keadaan ini, maknum boleh meneruskan sembahyang secara sendirian sehingga selesai dan tidak wajib benniat *mufaraqah*.

ii. Perkara yang membatalkan itu jelas

Perkara-perkara yang membatalkan sembahyang imam itu adalah jelas seperti imam tidak melafazkan takbiratulihram, imam salah menghadap kiblat, perempuan menjadi imam kepada maknum lelaki, imam sembahyang dalam keadaan menanggung najis *zahir* dan seumpamanya. Maksud najis *zahir* ialah najis yang terdapat di bahagian luar pakaian imam iaitu maknum akan nampak najis tersebut apabila maknum mengamati pakaian imam. Jika maknum tidak mengetahui (jahil) mengenai perkara seperti di atas, maka kejadian maknum bukan suatu keuzuran.

Jika maknum tahu mengenai perkara ini setelah selesai mengerjakan sembahyang bersama imam, maka maknum wajib mengulang sembahyangnya. Sebagai

contoh, orang yang sembahyang mengikut imam dan menurut sangkaannya imam tersebut mengerjakan sembahyang dalam keadaan suci daripada najis. Walau bagaimanapun setelah selesai sembahyang berjemaah, maknum mendapat tahu bahawa imam mengerjakan sembahyang dalam keadaan menanggung najis *zahir*. Dalam hal ini, hukum sembahyang maknum adalah batal dan wajib baginya mengulang sembahyang tersebut kerana kecuaianya tidak menyelidiki atau memeriksa mengenai perkara ini.

Jika maknum tahu mengenai perkara itu semasa sedang sembahyang seperti maknum nampak najis yang tidak dimaafkan pada pakaian imam, maka maknum wajib menghentikan sembahyangnya kemudian mengerjakan sembahyang dari mula (*isti'naf*). Malah tidak memadai dan tidak sah jika dia meneruskan sembahyang secara sendirian dengan benniat *mufaraqah*.

Demikian penjelasan mengenai kedudukan sembahyang maknum yang batal sembahyang imamnya.

Bermulanya di bulan Muharam



"DAN sesiapa yang berhijrah pada jalan Allah, nescaya dia akan mendapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang luas dan rezeki yang banyak. Dan sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya kemudian dia mati (dalam perjalanan) maka sesungguhnya telah tetap pahala (hijrahnya) di sisi Allah. Dan Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".

IJRAH adalah perjuangan untuk suatu tujuan yang mulia yang memerlukan kesabaran, pengorbanan, kesungguhan dan istiqamah. Hijrah juga adalah ibadah kerana ia adalah niat untuk memperoleh kebaikan. Tibanya bulan Muharam merupakan Tahun Baharu bagi umat Islam dan ianya sesuai untuk kita mananamkan

tekad di dalam hati untuk berubah ke arah yang lebih baik. Sekiranya sebelum ini kita terbiasa melakukan kemungkaran serta kemaksiatan, maka pada Tahun Baharu Hijrah ini, berusahaalah untuk meninggalkan dosa-dosa tersebut.

Kita membantu dan menyokong antara satu sama lain, bekerjasama dengan semua orang sambil berusaha mencapai kecemerlangan. Kita menghulurkan tangan kepada sesiapa yang memerlukan dan ikut serta untuk membuat kebaikan bersama. Tahun demi tahun bergantian, berusahalah sedaya upaya dan memanfaatkan sepenuhnya baki sisa usia kita. Perlu disedari bahawa semakin bertambah usia seseorang di tahun baharu ini menunjukkan semakin mendekati kematian, secara tidak langsung mengingatkan bahawa kita sebenarnya kesuntukan masa untuk meneruskan amal ibadah. Justeru, usah bertangguh melakukan kebaikan sementara masih diberi peluang memasuki Tahun Baharu Hijrah.

Tahun Baharu Hijrah ini perlu diambil iktibar

dari peristiwa hijrah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah terutamanya yang perlu kita terapkan dalam kehidupan sehari-hari. Adapun iktibar yang diambil di dalam peristiwa ini ialah :

Perpindahan daripada kekuatan kepada keimanan dengan meningkatkan semangat dan kesungguhan dalam beribadah. Perpindahan daripada kejahanan kepada peningkatan ilmu dengan menghadiri majlis-majlis ilmu. Perpindahan daripada kemiskinan kepada kecukupan dengan rajin bekerja dan bertawakal. Ada baiknya umat Islam mengisi Tahun Baharu Hijrah ini dengan meningkatkan keimanan dan menambah amal ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'alaa.

Oleh itu, dengan sisa baki masa dan usia yang ada ini, kita perlu meningkatkan dan memanfaatkan sepenuhnya tempoh yang ada ini untuk mencari bekalan dengan memperbanyakkan amal kebaikan dan ibadat dengan penuh ketakwaan. Semoga dalam memasuki Tahun Baharu Hijrah 1446 ini,

semangat hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan tetap mengilhami jiwa kita menuju kepada keadaan yang lebih baik.

"Sesungguhnya Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehingga mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri".

(Surah Ar-Ra'd, ayat 11)

Kita gunakan ketibaan bulan Muharam di Tahun Baharu Hijrah ini untuk kita mananam azam baharu di dalam kehidupan. Kita memperbaharui niat agar menjadi versi diri yang lebih baik daripada yang sebelumnya. Kita tinggalkan segala tabiat-tabiat yang menjasakan, kemurungan, kerugian diri dan keluarga. Kita maafkan segala salah silap yang dilakukan terhadap diri kita, agar diri ini bersih daripada sifat hasad dendki dan sentiasa berhusnuzhan. Kita tanamkan semangat yang cekal di dalam hati ini. Semuanya demi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat kelak.



Tawaran Terbuka Bagi Membekal Dan Menghantar Terus Buku Aktiviti Pra Sekolah

Bilangan Tawaran:
MOE / LTK / 28 / 2024 / 2025
(JKP-JULAI-2024)

Keterangan :
Tawaran Terbuka Bagi Membekal Dan Menghantar Terus Buku Aktiviti Pra Sekolah Bagi Kemasukan Tahun 2025 Ke Sekolah-Sekolah Rendah Kerajaan Dan Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Bayaran Yuran/ Dokumen
Tawaran:
BND30.00
[Bayaran Dokumen Tawaran tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
23 Julai 2024
[Tidak lewat jam 2.00 Petang]



Notis Sebut Harga
Tajuk Sebut Harga :
RTB / K / 65 / 24 - 25 :
Mereka Bentuk Dan Mencetak Kalendar RTB 2025

Bayaran Yuran :
BND5.00 (tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
24 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



UNISSA / SB0022 / 2024 / 2025 – To Supply Anti-Termite Correction Treatment at Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0023 / 2024 / 2025 – One (1) Year Term Contract Vehicles Maintenance for Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0024 / 2024 / 2025 – To Supply and Install New Metal Glass Swing Door and Fixed Glass for Block 'D' At Hostel Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0025 / 2024 / 2025 – To Supply and Install Tents & Roder Tent (Rental Only) For 14th Mahrajan Hafli Al-Takharruj Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0026 / 2024 / 2025 – Upgrading Works for Library of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0027 / 2024 / 2025 – Trimming Trees and Clearing Bushes Works for Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0028 / 2024 / 2025 – Kerja-Kerja Logistik Sempena Hafli Al-Takharruj Ke-14 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0029 / 2024 / 2025 – To Supply and Install New Air-Conditioning Unit System for Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Gadong [Class: 1 & Above, Category: M01 ONLY]

UNISSA / SB0031 / 2024 / 2025 – To Supply and Deliver Automated External Defibrillator (AED) For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus and Sinaut Campus

UNISSA / SB0032 / 2024 / 2025 – One (1) Year Rental Of 28 Units Photocopy Machine for Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Bayaran Yuran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
17 Julai 2024
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Kelas :
V & IV sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :

26 Jun 2024

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :

Tidak lewat Selasa 16 Julai 2024 jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa 23 Julai 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 06 / 2024

Nama Projek:
Menaik Taraf Jalan Daerah / Kampung (Batu Ke Aspal / Banjir) – Paket 1: Daerah Brunei Muara Dan Temburong

Yuran Tawaran :
BND500.00 (Tidak dikembalikan)



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Kelas:
(IV & V Sahaja)

Kategori:
[KA01, M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :

Selasa,

16 Julai 2024

Tarikh Tutup:

Selasa,

30 Julai 2024

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 018 / 2024

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja Pemeliharaan Sistem Chlorine Peralatan Dan Personal Protective Equipment Di Loji Rawatan Air Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong Dan Temburong (2025-2028)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



جایزہ کابیچو پارکی دارالسلام

BDMD

Brunei Darussalam Meteorological Department

JABATAN KAJICUACA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tawaran Bagi The Supply, Delivery, Uninstall, Installation And Configuration Of New Uninterruptible Power Supply (UPS) For Brunei Darussalam Meteorological System Servers

Bilangan Tawaran:
JKBD / 2024 / SH-06

Tarikh Tutup:
Rabu,
17 Julai 2024

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam
Aras Permukaan,
Blok B23
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas BB3713
Negara Brunei Darussalam.



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 136 / 2024 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Ultrasound Machine For Obstetric And Gynaecology Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
9 Julai 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang





JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Kelas:
II Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
16 Julai 2024

Tarikh Tutup:
Selasa,
30 Julai 2024

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 021 / 2024

Nama Projek:
Pembinaan Bilik Telemetry
Bagi Tangki Simpanan Air :
Kg. Beribi, Daerah Brunei Muara

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Kelas:
II (II & III) sahaja

Kategori:
KA01, E02, E01 Sahaja –
Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 005 / 2024 –
(CDE).T.III

Nama Projek:
Kerja-Kerja Elektrik Bagi Projek
Saliran Di Simpang 287,
Jalan Subok

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Julai 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 020 / 2024

Kelas:
II Sahaja

Kategori:
S01 & S02 Sahaja

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Pembersihan Kawasan Tangki-
Tangki Zone 'B' Di Daerah
Bunei dan Muara 36 Bulan

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 021 / 2024

1Kelas:
II Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja

Nama Projek:
Pembinaan Bilik Telemetry Bagi
Tangki Simpanan Air: Kg. Beribi,
Daerah Brunei Muara

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 022 / 2024

Kelas:
II, III Sahaja

Kategori:
S01 & S02 Sahaja

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-
kerja Pembersihan, Landskap,
Pemeliharaan Tanah dan
Pembuangan Sampah Bag Loji
Rawatan Air Bukit Barun, Tutong

Yuran Tawaran :
BND30.00

(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 021 / 2024

1Kelas:
II Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja

Nama Projek:
Pembinaan Bilik Telemetry Bagi
Tangki Simpanan Air: Kg. Beribi,
Daerah Brunei Muara

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Pemberitahuan Tawaran
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
KK / 130 / 2024 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of School
Dental Services Consumable
Items For Department Of Dental
Services, Ministry Of Health For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 131 / 2024 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Periodontic
Consumables Items For
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health For A Period
Of Three (3) Years (Part 1)

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 132 / 2024 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Periodontic
Consumables Items For
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health For A Period
Of Three (3) Years (Part 2)

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 133 / 2024 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Periodontic
Consumables Items For
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health For A Period
Of Three (3) Years (Part 3)

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 134 / 2024 / PPN (TC)

Keterangan:
The Provision To Operate And
Maintain Automated Retail Vending
Machines With Healthier Food And
Drink Choices At National Dental
Centre For A Period Of Three
(3) Years

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 135 / 2024 / PHARM (TC)

Keterangan:
The Provision To Cleaning
Services For The Department Of
Pharmaceutical Services,
Lot 65943 Kampong Madaras,
Mukim Gadong 'A' For A Period
Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 137 / 2024 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 138 / 2024 / PHARM

Keterangan:
Supply And Delivery Of School
Dental Services Consumable
Items For Department Of Dental
Services, Ministry Of Health For
A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 139 / 2024 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 140 / 2024 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 141 / 2024 / PHARM

Keterangan:
The Supply And Delivery Of
Medicines For The Department
Of Pharmaceutical Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran :
BND10.00

Tarikh Tutup:

16 Julai 2024

Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAH
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 08 / 2024

Tajuk Tawaran:
Quotation Brick Wall Fence
Painting Works At Dewan Santap,
Jalan Maulana Kuala Belait.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Kelas :
1

Kategori:
KA01, B01

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 09 / 2024

Tajuk Tawaran:
Pemasangan Baharu Dan
Penyelenggaraan Alat Penghawa
Dingin Di Dewan Kemasyarakatan
Kampung Pandan Kuala Belait.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Kelas :
I & II

Kategori:
MO1

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 10 / 2024

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Penggantian Dan
Pemasangan 'Submersible
Sewage Pump' Di Kawasan Letak
Kereta Aras Besmen Bangunan
Kompleks Jabatan-Jabatan
Kerajaan Daerah Belait.

Yuran Tawaran:
BND5.00

Kelas :
I & II

Kategori:
KA01, M03, E01, E02

Tarikh Tutup:
Selasa,
16 Julai 2024



سورو هنجاي قر خدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

JABATAN PERDAWA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEkosongan Jawatan, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 3 *Silakan transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn

Agensi Tarikan WhatsApp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Ragam media smanal PSC.BN

KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمـنـتـرـيـنـ كـصـيـحـتـنـ
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebijii
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijii ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



@ hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

TERAPKAN ILMU PENGURUSAN, PENYEMPURNAAN JENAZAH

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Julai. - Dalam menerapkan ilmu pengetahuan serta melahirkan pelapis-pelapis baharu dalam pengurusan dan penyempurnaan jenazah, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Belia dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas mengungkayahkan Bengkel Pengurusan Jenazah bagi Kumpulan Belia dan Belianwanis Masjid Senegara bagi Daerah Brunei dan Muara Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Bengkel yang diadakan di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas, di sini

dijalankan selama dua hari, bermula dari 30 Jun lalu dan berakhir hari ini.

Sehubungan itu, Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi bengkel tersebut disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Antara tujuan bengkel diadakan adalah untuk menerapkan ilmu pengetahuan, memberi keyakinan kepada para peserta dalam pengurusan dan penyempurnaan jenazah.

Bengkel juga diharap dapat menanamkan rasa tanggungjawab dalam pengendalian jenazah dalam kalangan para peserta di samping menyemai kepercayaan masyarakat terhadap penglibatan golongan belia dalam pengurusan jenazah. Selain itu, ia juga bagi

menimbulkan rasa kesedaran dalam diri bahawa mati itu pasti.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil diakhiri dengan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Adee Aiman bin Haji Mohiddin dan sesi bergambar ramai.



MAJLIS Penutup dan Penyampaian Sijil bagi bengkel tersebut disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis (kanan dan bawah kiri).



Bersama-sama serta Kempen Derma Darah

Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Julai. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan Kempen-kempen Derma Darah pada Selasa, 2 Julai 2024, bermula jam 10.00 pagi hingga 2.30 petang bertempat di Dewan Teater, Kolej International Graduate Studies (KIGS), Kompleks Setia Kenangan, Kiulap.

Sementara pada Rabu, 3 Julai 2024, bermula jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Tingkat 8, Hotel Mulia, Anggerek Desa.

Manakala pada Khamis, 4 Julai 2024, bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang bertempat di Ruang Lobi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan.

Sementara pada Sabtu pula, 6 Julai 2024, bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Lexus Showroom, Gadong anjuran Rotary Club Brunei.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai juga adalah dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkkan.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Apam Gula Hangus Kampung Kulapis

BAHAN-BAHAN :

- 1 1/2 cawan Tepung Gandum
- 1 sudu kecil Baking Soda
- 1 cawan gula
- 1 cawan air panas
- 1/2 cawan minyak makan
- 2 sudu besar majerin
- 2 biji telur
- 1 sudu kecil Esen Vanilla

CARA MEMASAK :

Masukkan gula dalam kuali panaskan hingga gula menjadi perang dan larut, masukkan air panas perlahan-lahan dan sejukkan.

Masukkan minyak makan,

majerin, telur, susu pekat dan Esen Vanilla ke dalam blender, kisar hingga kembang.

Masukkan tepung dan baking soda sedikit demi sedikit dan adun sebati.

Tuang adunan ke dalam acuan atau takir dan kukus selama 15 - 20 minit. Sejukkan dan bolehlah dihidangkan.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 2 Julai. - Sebagai usaha dalam memberikan pengetahuan secara langsung mengenai persejarahan negara kepada masyarakat, Pusat Sejarah Brunei (PSB) mengadakan Pertandingan Pidato Sejarah Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Kali Ke-4, Tahun 2024 Peringkat Saringan yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, PSB, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu khas pada pertandingan peringkat saringan itu ialah Pemangku Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh.

Seramai 43 peserta bertanding dalam dua kategori iaitu Kategori 'A' bagi belia berumur 18 hingga 35 tahun terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (NBD); juga Kategori 'B' bagi pelajar Tahun 9, Tahun 10 dan Tahun 11 dari sekolah-sekolah menengah kerajaan serta swasta di NBD.

Seramai 12 belia menyertai Kategori 'A', manakala 31 pelajar menyertai Kategori 'B'.

Peringkat saringan akan berlangsung selama tiga hari

TERAPKAN BELIA DENGAN NILAI SEJARAH MELALUI PIDATO



PUSAT Sejarah Brunei (PSB) semasa mengadakan Pertandingan Pidato Sejarah Piala Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Kali Ke-4, Tahun 2024 Peringkat Saringan yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, PSB (atas dan bawah).

iaitu pada 2, 4 dan 6 Julai 2024. Pertandingan bertema 'Sejarah Pemangkin Kemajuan Negara' itu

dihakimi oleh empat hakim iaitu Dr. Haji Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos; Dr. Siti Badriyah binti

Haji Mohd. Yussof; Haji Rosli bin Haji Ampal dan Mohammed Zefri Ariff bin Mohammed Zain Ariff.

Hanya 10 peserta yang mendapat markah tertinggi, iaitu lima orang bagi setiap kategori, akan mara ke peringkat akhir.

Pertandingan tersebut bertujuan untuk memupuk, menanam dan mengukuhkan perasaan taat setia dan cintakan raja, agama, bangsa serta negara, menerapkan budaya berfikir secara kritis dalam kalangan para pelajar peringkat menengah dan pengajian tinggi; serta meningkatkan daya fikir para pelajar dalam membuat tafsiran dan penilaian semula ke atas suatu peristiwa bersejarah di negara ini.

Selain itu, ia melatih para pelajar menggunakan kaedah penyelidikan dan kajian sejarah yang sebenar; menjadikan sejarah sebagai bidang yang menarik untuk dipelajari; serta memberi kesedaran kepada generasi muda tentang nilai sejarah dan pembangunan negara.



2 pemimpin belia sertai Global Youth Festival

Siaran Akbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BERAKAS, Isnin, 1 Julai. - Dua pemimpin belia dari Persatuan Insan KESAN dan Society for Community Outreach & Training (SCOT) baru-baru ini menyertai Global Youth Festival anjuran The Youth Affairs Agency of the Republic of Uzbekistan dengan kerjasama Organization of Islamic Cooperation (OIC) bermula 26 Jun hingga 30 Jun 2024.

Festival ini merupakan buat pertama kali dihoskan oleh Republik Uzbekistan sebagai salah satu inisiatif di bawah resolusi yang dihasilkan semasa Persidangan Islam bagi Menteri Belia dan Sukan (ICYSM) yang telah diadakan pada tahun 2022 di Jeddah, Arab Saudi.

The Global Youth Festival dengan tema 'Empowering Youth for Collaboration towards UN Youth Strategy 2030' diadakan untuk menyatukan para belia dari seluruh dunia yang dianggarkan hampir

1,000 peserta belia daripada 150 negara yang akan membincangkan beberapa topik seperti pendidikan, keusahawanan, pekerjaan, kebudayaan dan sukan serta pertukaran program belia yang berkaitan dengan hal ehwal dasar belia.

Festival ini juga bertujuan untuk mempergiat dan memperkuatkan hubungan dua hala dan pelbagai hala dalam bidang belia dan meneroka potensi kerjasama pada masa hadapan dalam pelaksanaan projek dan program yang penting dari segi sosial, pembangunan hubungan budaya dan kemanusiaan, platform untuk mengukuhkan hubungan persahabatan di antara negara-negara di seluruh dunia dan pertubuhan antarabangsa.

Para peserta belia juga berpeluang untuk meneroka strategi dan kaedah untuk

PEMANGKU Pengarah Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada rombongan tersebut.

meningkatkan penyertaan belia yang lebih bermakna dan inklusif dalam menggalakkan mereka mengambil bahagian secara aktif dalam membuat keputusan di semua peringkat pembuatan dasar dan keputusan.

Festival tersebut juga memberi tumpuan kepada peranan penting yang boleh dimainkan oleh para belia dalam mewujudkan dunia yang lebih aman dan mampan dengan memberi inspirasi serta solusi semasa menghadapi keadaan yang mencabar.

Pemangku Pengarah Bahagian



Pembangunan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haswandi bin Haji Osman hadir di Lapangan

Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada rombongan tersebut.

THE FUND : BIBDS, LGI LANCAR | DANA MUDAH ALIH PATUH SYARIAH



PENGARAH Urusan BIBD Securities, Jason Wong dan Ketua Pegawai Pemasaran LGI, Kwok Keng Han semasa berucap pada pelancaran Lion-BIBDS Islamic Enhanced Liquidity Fund (The Fund) (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar kanan, sesi bergambar ramai pada pelancaran berkenaan yang diadakan di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei.

JERUDONG, Isnin, 1 Julai. - Syarikat sekuriti patuh syariah pertama dan terkemuka di Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Bank Islam Brunei Darussalam Securities Sdn. Bhd. (BIBDS), dan sebuah syarikat pengurusan aset terkemuka di Asia Tenggara, Lion Global Investors (LGI), mengumumkan pelancaran Lion-BIBDS Islamic Enhanced Liquidity Fund (The Fund), iaitu dana bersama pertama yang diuruskan di NBD dan dana mudah tunai dipertingkatkan patuh syariah pertama yang didaftarkan di Singapura.

Pengumuman pelancaran berkenaan diadakan di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Brunei, di sini.

Pengarah Urusan BIBD Securities, Jason Wong dalam ucapan alu-aluannya berkata, perkongsian strategik berkenaan bukan sahaja menunjukkan BIBD Securities sebagai pemain serantau utama dalam pelaburan patuh syariah tetapi juga mengukuhkan visi bersama LGI untuk memperdalam inovasi dalam ruang kewangan Islam.

Tambahnya, matlamat berkenaan adalah untuk mengembangkan rangkaian produk dan secara efektif

merapatkan pelabur serantau dengan peluang patuh Syariah.

Dana berkenaan tekannya, adalah bukti komitmen bersama terhadap kecemerlangan dan inovasi dalam bidang kewangan Islam.

Jelasnya lagi, ia memanfaatkan kekuatan bersama dan menandakan langkah penting ke arah mengintegrasikan keupayaan kewangan Islam NBD dengan pasaran global, meningkatkan kedudukan mereka sebagai pintu masuk untuk pelaburan patuh syariah di rantau Asia Pasifik.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pemasaran LGI, Kwok Keng Han, dalam ucapannya berkata, mereka menjangkakan dana berkenaan akan diterima baik kerana cadangan nilainya mempunyai sukuk dan menggabungkannya dengan deposit Islam dan instrumen pasaran wang yang menawarkan pelabur manfaat pulangan stabil dalam portfolio patuh syariah.

Selain itu jelasnya, mereka melihat prospek permintaan yang baik berpuncak daripada kekurangan penyelesaian mudah tunai patuh syariah di Asia Tenggara.

Penambahan Dana Kecairan



Dipertingkatkan Islam Lion-BIBDS tambahnya, membawa tawaran yang berbeza kepada rangkaian penuh penyelesaian kecairan LGI, yang kini mempunyai AUM melebihi SGD4.4 bilion (USD3.2 bilion), setakat 30 Jun 2024.

Menurutnya lagi, penyelesaian kecairan sentiasa popular dalam kalangan pelanggan mereka dan kini dilihat sebagai sangat menarik susulan kenaikan kadar faedah dan inflasi.

Menyentuh mengenai perkongsian bersama BIBDS jelasnya, ia menandakan satu lagi pencapaian penting bagi LGI dalam menyepakati peluang khusus

ke dalam penyelesaian pelaburan arus perdana dan bagaimana ia mewakili usaha berterusan mereka dalam mengembangkan rangkaian produk yang selari dengan pelabur terutamanya dalam segmen yang kurang mendapat perhatian.

The Fund bertujuan untuk memelihara modal sambil meningkatkan pendapatan, The Fund bersedia untuk bertindak sebagai penyelesaian berpotensi

portfolio keseluruhan rendah dan mengekalkan tahap kecairan yang tinggi, di samping akan melabur dalam portfolio instrumen pendapatan tetap jangka pendek patuh syariah global yang diurus secara aktif dan dipelbagai secara meluas, termasuk, tetapi tidak terhad kepada deposit Islam, instrumen pasaran wang dan Sukuk yang diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah BIBDS.

Pra pelancaran The Fund telah diadakan pada Mac tahun ini dengan kelas saham USD dan pada mulanya hanya diperluaskan kepada pelabur bertauliah.

Setakat 30 Jun 2024, The Fund telah mengumpul aset di bawah pengurusan (AUM) sebanyak SGD63.3 juta (USD46.5 juta).

Kelas saham The Fund's USD kini tersedia untuk semua pelabur dan kelas SGD-hedged akan tersedia pada 1 Ogos 2024.

Selain bertujuan untuk memelihara modal sambil meningkatkan pendapatan, The Fund bersedia untuk bertindak sebagai penyelesaian berpotensi

untuk mengatasi cabaran pengurusan kecairan.

Menurut Laporan Kestabilan Industri Perkhidmatan Kewangan Islam 2023, Industri Perkhidmatan Kewangan Islam global (IFSI) dianggarkan bernilai USD3.25 trilion pada 2022.

Manakala, Asia Tenggara memegang bahagian kedua terbesar (daripada angka IFSI global yang dianggarkan) sebanyak 23.3 peratus, dan ia adalah pasaran terbesar bagi penerbitan Sukuk, merangkumi 49.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pada USD829.7 bilion.

Walau bagaimanapun, laporan berkenaan juga menekankan kekurangan alat pengurusan kecairan di peringkat institusi, antara bank dan bank pusat di kebanyakan negara.

Dengan memanfaatkan pandangan serantau dan kepakarannya dalam pengurusan aset patuh syariah, BIBD Securities kekal di barisan hadapan dalam menawarkan peluang pelaburan khusus.

Small Kine ceriakan pelajar berkeperluan khas

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Azmah Haji Ahad



BENGKURONG, Isnin, 1 Julai. - Pasukan Muzik Udara Amerika Syarikat (AS), Small Kine dari United States Air Force Band of the Pacific petang tadi mengadakan Persembahan Muzik bagi pelajar berkeperluan khas di Pusat Ehsan

Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), Bengkuron, di sini. Persembahan berkenaan dihadiri oleh seramai 150 pelajar dan ahli organisasi bukan kerajaan di bawah Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) serta



Pusat Bahagia.

Hadir dan seterusnya berinteraksi dengan komuniti kelainan upaya berkenaan, Timbalan Ketua Misi Kedutaan AS di Negara Brunei Darussalam (NBD), Stacy Lomba.

Small Kine berada di NBD bagi lawatan kemasyarakatan selama tiga hari sebagai sebahagian daripada Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-248 AS dan Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik AS-Brunei.

Separang lawatan mereka, Small Kine juga mengadakan bengkel muzik dengan pelajar di Sekolah Saint Andrew dan La Vida.

Program kemasyarakatan berkenaan bertujuan untuk membawa keceriaan dan juga

PASUKAN Muzik Udara Amerika Syarikat, Small Kine dari United States Air Force Band of the Pacific mengadakan Persembahan Muzik bagi pelajar berkeperluan khas di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Bengkuron (kiri). Manakala gambar kiri sekali, antara yang hadir pada acara tersebut.

sebagai sokongan kepada komuniti kelainan upaya, di samping meningkatkan hubungan AS-NBD melalui hubungan antara individu.

Small Kine merupakan kumpulan muzik Ansambel iaitu akustik pulau dari USAF Band of the Pacific, berpangkalan di Pangkalan Gabungan Pearl Harbor-Hickam, Hawaii.

Kumpulan berkenaan menyokong misi USAF Band of the Pacific untuk menghormati, menginspirasi, dan berhubung dengan penonton bagi pihak Tentera Udara AS serta menunjukkan keunggulan dan profesionalisme semua Airmen AS yang berkhidmat di Pasifik.

KHATAM AL-QURAN RAIKAN 39 MURID DARJAH VI



PEMANGKU Penolong Pengarah (Profesional), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ayop bin Haji Ghani hadir selaku tetamu khas majlis.



Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

JERUDONG, Isnin, 1 Julai. - Sekolah Ugama Jerudong (sesi pagi dan petang) meraikan seramai 39 murid Darjah VI terdiri daripada 20 orang murid lelaki dan 19 orang murid perempuan yang berjaya mengkhatamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai dipimpin oleh tetamu khas majlis, Pemangku Penolong Pengarah (Profesional), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ayop bin Haji Ghani.

Seterusnya bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam diikuti dengan bacaan Takhtim dan kemudiannya Doa Khatam dikepalai oleh salah seorang peserta khatam, Awang Ahmad Umair bin Haji Rozaiman.

Majlis turut diserikan dengan

bacaan Dikir Marhaban dan diselanjurkan dengan penyampaian Sijil Khatam yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis. Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh salah seorang tenaga pengajar, Awang Roslan bin Haji Metusin.

Majlis Khatam Al-Quran merupakan aktiviti tahunan dan usaha pihak sekolah bagi mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi cekik Al-Quran di samping suatu galakan bagi murid-murid untuk menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya hidup dan amalan harian.



ANTARA pelajar Sekolah Ugama Jerudong (sesi pagi dan petang) yang diraikan.


ALAI PINTAR
SOALAN 128

SOALAN 3 JULAI 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. Apakah nilai bagi digit 8 dalam 5 784?
 - a) 80
 - b) 800
 - c) 8000
2. Apakah kata berlawan bagi 'lapar'?
 - a) Kenyang
 - b) Penuh
 - c) Dahaga
3. Solat subuh mempunyai berapa rakaat?
 - a) 2 rakaat
 - b) 3 rakaat
 - c) 4 rakaat

TARIKH TUTUP : 13 JULAI 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI BND40.00

PEMENANG ALAI PINTAR 127

Nama : Muhammad Sharnaz Wahyudin bin Abdullah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0124758-01. Sekolah : Sekolah Rendah Jerudong

Nama : Muhammad Khaliq Fathullah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0115591-01. Sekolah : Sekolah Rendah Panchor Murai

Nama : Muhd. Naufal Syawari bin Muhd. Bahen
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0125147-01. Sekolah : Sekolah Rendah PKN Bukit Beruang, Tutong

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 127

1. B - ber
2. B - anak
3. B - Isnin, Rabu, Sabtu



Pastikan papan pemotong bersih, bukan penyebab keracunan makanan

Rencana dan Foto : Hajah Rosidah Haji Ismail

PASTINYA penggunaan papan pemotong setiap hari antara kelengkapan penting untuk memotong sayur-sayuran, bawang, ayam, daging dan pelbagai lagi. Papan pemotong merupakan alat yang digunakan untuk memotong dan menyediakan makanan di dapur. Bagi kaum wanita, ia merupakan alat penting yang perlu ada di dapur. Di pasaran, terdapat pelbagai jenis papan pemotong dengan reka bentuk dan bahan yang berbeza. Ada yang diperbuat daripada kayu, plastik atau silikon. Oleh sebab itu, ia pasti menyukarkan pengguna untuk membuat pilihan yang terbaik.

Tetapi kebanyakan pengguna sering mengabaikan kebersihan papan pemotong ketika menggunakanannya. Pengguna sering menggunakan papan pemotong yang sama untuk memotong pelbagai bahan mentah yang boleh mengakibatkan pencemaran silang yang menyumbang kepada masalah keracunan makanan. Pencemaran silang yang dimaksudkan merupakan pergerakan fizikal atau pemindahan bakteria berbahaya dari orang, bahan mentah atau kawasan yang kotor kepada makanan yang siap dimasak.

Awda perlu tahu bahawa daging atau ayam mentah boleh meninggalkan bakteria *salmonella* dan *campylobacter* pada papan pemotong dan boleh menyebabkan keracunan makanan.

Bayangkan jika awda menggunakan papan yang sama untuk memotong kuih atau mengupas buah epal. Bakteria penyebab keracunan makanan ini boleh berpindah

ke makanan yang sedia dimakan dan mencemarkannya dengan lebih mudah. Sebab itu penting ada papan pemotong yang berbeza untuk bahan yang berlainan.

Kebanyakan papan kayu tidak selamat untuk dicuci secara ala kadar sahaja, jadi sangat penting menjaga kebersihan papan pemotong dengan baik untuk mengelakkan menjadi tempat pembiakan bakteria berbahaya. Walaupun begitu, papan pemotong kayu masih merupakan pilihan yang paling popular setakat ini.

Membasmi kuman

Pada musim Hari Raya Haji mungkin ramai yang menerima daging korban dan penyediaan daging korban ini sememangnya memerlukan papan pemotong. Jika menggunakan papan kayu awda untuk menyediakan atau memotong daging mentah, ia juga perlu dibasmi kuman selepas pembersihan. Sangat disyorkan untuk menggunakan papan tertentu untuk daging mentah kerana ditakuti pembiakan bakteria yang mudah berjangkit pada makanan.

Awda boleh membasmi kuman yang ada pada papan pemotong dengan menggunakan limau nipis dan Baking Soda dengan memotong limau nipis menjadi dua bahagian. Kemudian letakkan Baking Soda pada permukaan papan pemotong tersebut. Gosok papan pemotong itu dengan potongan limau selama 10 minit dan kemudian ulangi lagi proses yang sama. Hasilnya papan pemotong awda akan lebih bersih tetapi apa yang lebih penting tidak ada

bakteria yang melekat pada papan pemotong tersebut. Untuk bau yang sangat kuat yang ditinggalkan selepas pembersihan, gosok papan dengan setengah lemon yang akan menyebabkan ia berbau segar dan juga membantu membersihkan permukaan papan pemotong.

Sebaik sahaja kering sepenuhnya, papan pemotong hendaklah disimpan dalam kedudukan tegak untuk mengelakkan kelembapan terperangkap di bawahnya. Ini juga menghentikan habuk dan sebarang zarah bawaan udara yang menetap di permukaan pemotongan. Rak papan pencincang akan menyediakan kaedah penyimpanan yang paling bersih.

Pentingnya menjaga kebersihan papan pemotong

Pengguna perlu menitikberatkan kebersihan papan pemotong ketika menggunakanannya agar hidangan yang disediakan bebas daripada sebarang bahan pencemaran seperti bakteria dan sebagainya yang boleh menjadikan kesihatan. Pastikan ia mudah dicuci dan dikeringkan.

Ini kerana papan pemotong kayu, khususnya yang kotor, kehitaman dan tidak dikeringkan dengan sempurna atau lembap akan menjadi tempat pembiakan bakteria. Selain itu serpihan kayu daripada papan pemotong juga boleh mencemarkan makanan dan setentunya membahayakan terutama kepada kanak-kanak atau orang tua jika tertelan serpihan-serpihan kecil kayu papan pemotong. Jadi sebagai pengguna,

pastikan kebersihan atau keselamatan diutamakan.

Berapa kerap papan pemotong perlu diganti?

Papan kayu yang telah retak, tercalar atau menunjukkan tanda-tanda haus yang berlebihan harus diganti dengan cepat. Berapa kerap ia diganti bergantung kepada penggunaan, ia mungkin perlu diganti setiap beberapa bulan jika ia digunakan secara teratur.

Elakkan papan pemotong yang mempunyai banyak lipatan atau rekahan yang sukar dibersihkan kerana kita tidak tahu jika masih terdapat bakteria pada papan pemotong tersebut.

Sering kali kita melihat kesan hitam pada papan pemotong yang terhasil daripada pengumpulan sisa kotoran kerana proses pembersihan tidak sempurna. Jadi sekiranya sudah ada kesan hitam pada papan pemotong walaupun ia sudah dibersihkan, sebaiknya ia hendaklah ditukar dengan yang baru.

Kesimpulan

Ingatlah untuk menjaga papan pemotong dengan baik agar makanan yang disediakan sentiasa selamat dan bebas daripada kuman. Sebaiknya, awda gunakan papan pemotong yang berbeza untuk bahan kering dan basah bagi mengurangkan risiko pemindahan bakteria. Ingatlah untuk selalu membersihkan papan pemotong secara teratur agar tetap bersih dan selamat digunakan.





NEW DELHI, 1 Julai. - Afghanistan menuntut penamatian sekatan kewangan terhadap negara itu pada permulaan mesyuarat dua hari melibatkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di ibu negara Qatar, Doha pada Ahad.

Mengapa kelajuan pelonggaran sekatan perdagangan dan kewangan masih perlahan, tanya

AFGHANISTAN DESAK TARIK BALIK SEKATAN KEWANGAN PADA MESYUARAT DOHA

jurucakap Kerajaan Afghanistan Zabihullah Mujahid, yang mengetuai delegasi negaranya dalam rundingan pada 30 Jun - 1 Julai.

"Kami melihat mesyuarat Doha ini sebagai peluang penting untuk melibatkan diri dalam dialog konstruktif mengenai sekatan unilateral dan multilateral yang dikenakan ke atas beberapa pegawai dan sektor kewangan dan perbankan kami, serta cabaran yang lebih luas yang dihadapi

ekonomi negara kami," katanya.

"Forum ini merupakan langkah positif ke arah menangani isu-isu ini dan memberi jaminan kepada rakyat Afghanistan bahawa sekatan yang dikenakan ke atas negara kami akan dikurangkan dalam masa terdekat," katanya.

Pegawai Afghanistan itu berkata semua rizab asing Bank Da Afghanistan harus dilepaskan.

Aset bank pusat Afghanistan di Amerika Syarikat dan Eropah berjumlah kira-kira US\$9 bilion, yang dibekukan oleh AS berikut pengunduran tentera pimpinan AS dari Afghanistan pada Ogos 2021.

"Pembekuan berterusan rizab ini telah menjadikan keupayaan bank perdagangan untuk memenuhi keperluan mata wang pelanggan mereka, baik di dalam maupun di luar negara," kata Zabihullah dalam ucapanya.

Ini adalah mesyuarat ketiga utusan khas PBB bagi negara dan organisasi mengenai Afghanistan.

Setiausaha Agung PBB bagi hal ehwal politik dan pembinaan

keamanan, Rosemary DiCarlo mempengerusikan mesyuarat itu bagi pihak Setiausaha Agung António Guterres.

Zabihullah berkata Afghanistan komited untuk penglibatan positif dengan masyarakat antarabangsa tetapi kuasa besar tidak boleh menggunakan kuasa mereka untuk mengenakan tekanan keselamatan, politik, dan ekonomi ke atas rakyat kami kerana perbezaan dasar dengan Kerajaan Afghanistan.

Beliau menekankan hubungan negaranya yang lebih baik dengan negara-negara serantau, termasuk China, Kazakhstan dan Rusia.

"Sama seperti negara-negara serantau telah berinteraksi secara positif dengan Kerajaan Afghanistan sekarang sebagai sistem yang bertanggungjawab, kami berharap negara-negara Barat juga akan mengutamakan kepentingan dua hala yang saling menguntungkan dengan cara yang sama," katanya.

Merujuk kepada penyertaan Afghanistan dalam projek perdagangan, pengangkutan dan

tenaga serantau, Zabihullah berkata elemen penting dalam dasar luar negara ialah ekonomi.

Ini termasuk laluan kereta api dari Uzbekistan ke Afghanistan untuk menghubungkan Asia Tengah dengan Asia Selatan.

"Entiti kami sedang bekerjasama rapat dengan rakan-rakan Uzbek dan Pakistan kami. Dengan kerjasama Turkmenistan, kami telah mencapai kemajuan yang ketara mengenai pelaksanaan projek saluran paip gas bercapita tinggi (TAPI) sejak dua tahun lepas," kata Zabihullah.

Saluran paip sepanjang 1,840 kilometer itu dicadangkan untuk membawa gas asli dari Turkmenistan ke Afghanistan, Pakistan dan India.

Zabihullah berkata Afghanistan juga komited untuk bekerjasama dengan negara-negara yang merupakan sebahagian daripada koridor Utara-Selatan, rangkaian pelbagai modal kereta api, jalan raya, dan laluan laut dari Rusia ke India melalui Iran. - ©BERNAMA

1.5 juta benih ikan dan udang dilepaskan sempena Hari Ikan Nasional

KAMPONG CHAM (Kemboja), 1 Julai. - Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet melepaskan kira-kira 1.5 juta benih ikan dan udang ke dalam tasik semula jadi di tenggara negara itu sempena Hari Ikan Nasional Ke-19 pada Isnin, lapor Xinhua.

Hun Manet berkata acara tahunan ini bertujuan menggalakkan orang ramai untuk memelihara ikan di habitat semula jadi dan meningkatkan aktiviti penernak.

"Ikan adalah sumber protein utama untuk rakyat kita, jadi adalah penting untuk melindungi, memelihara dan membangunkan sumber perikanan bagi generasi akan datang.

"Pemeliharaan dan pembangunan sumber perikanan secara mampan akan menyumbang kepada jaminan keselamatan makanan dan pengurangan kemiskinan," katanya.

Beliau juga menyeru para nelayan untuk tidak menangkap ikan semasa musim pembiakan tahunan dari Julai hingga Oktober dan menggalakkan penernak meningkatkan aktiviti ternakan ikan.

Menteri Pertanian, Perhutanan dan Perikanan, Dith Tina berkata kira-kira 20 spesies aquatik termasuk ikan, udang, kura-kura dan penyu telah dilepaskan ke dalam Boeung Thom atau Tasik Besar di daerah Prey Chhor.

Beliau berkata negara di Asia Tenggara itu telah menangkap 426,000 tan hidupan air tawar pada 2023, peningkatan sebanyak lima peratus berbanding tahun sebelumnya. - ©BERNAMA

Samantha Mostyn angkat sumpah sebagai Gabenor Jeneral Australia Ke-28

CANBERRA, 1 Julai. - Samantha Mostyn secara rasmi telah mengangkat sumpah sebagai Gabenor Jeneral Australia Ke-28, menjadi wakil raja British di negara itu, lapor Xinhua.

Majlis angkat sumpah berlangsung di Bangunan Parlimen di sini, pada Isnin.

Mostyn, seorang pemimpin perniagaan dan komuniti terkemuka, menjadi wanita kedua yang berkhidmat sebagai Gabenor Jeneral Australia.

Bercakap selepas majlis itu, beliau berikrar untuk membawa kebaikan, keprihatinan dan rasa hormat kepada peranan berkeraan.

"Saya akan menjadi Gabenor Jeneral yang optimis, moden dan kelihatan, komited kepada perkhidmatan dan sumbangan yang diharapkan dan layak diterima oleh semua rakyat Australia daripada pemegang jawatan ini," kata Mostyn.

Sebagai wakil raja British, Gabenor Jeneral melaksanakan tugas-tugas perlembagaan termasuk secara rasmi melantik Perdana Menteri (PM) dan menteri-menteri lain secara rasmi, mengarahkan pilihan raya dan memberikan perkenan diraja kepada Rang Undang-undang yang diluluskan oleh parlimen.

PM Anthony Albanese pada April mengumumkan bahawa Mostyn akan menggantikan David Hurley, yang tempoh lima tahunnya berakhir pada Ahad.

Mostyn, 59, memulakan kerjayanya sebagai peguam sebelum berkhidmat dalam lembaga pengarah beberapa syarikat, termasuk NGO seperti Majlis Iklim dan organisasi sokongan kesihatan mental Beyond Blue.

Sebelum dilantik sebagai Gabenor Jeneral, beliau merupakan pengurus Pasukan Petugas Kesaksamaan Ekonomi Wanita kerajaan. - ©BERNAMA

Presiden Afrika Selatan umum barisan kabinet baharu

JOHANNESBURG, 1 Julai. - Presiden Afrika Selatan, Cyril Ramaphosa mengumumkan barisan Kabinet Perpaduan Nasional (GNU) lewat Ahad dengan mengekalkan Paul Mashatile sebagai timbalannya.

Ramaphosa juga melantik Ronald Lamola yang berusia 40 tahun sebagai Menteri Perhubungan Antarabangsa dan Kerjasama baharu, lapor Agensi Anadolu.

Lamola, bekas Menteri Kehakiman dan Hal Ehwal Perlembagaan merupakan antara anggota Kabinet termuda. Beliau menggantikan Naledi Pandor.

Ramaphosa juga mengekalkan Enoch Godongwana sebagai Menteri Kewangan.

"Lelaki dan wanita yang dilantik ke jawatan ini dipilih dari seluruh pelosok negara. Tiada seorang pun anggota Eksekutif Perpaduan Nasional dilantik untuk memenuhi kepentingan sesebuah kawasan, parti atau kelompok masyarakat tertentu," kata Ramaphosa.

Beliau juga melantik pesaing politik utamanya, pemimpin DA John Steenhuisen sebagai Menteri Pertanian.

Sebanyak 11 parti politik

mencapai persetujuan membentuk GNU selepas parti Ramaphosa, African National Congress (ANC) yang memerintah Afrika Selatan selama tiga dekad lalu hilang majoriti dalam pilihan raya pada 29 Mei.

Anggota Parlimen Afrika Selatan melantik semula Ramaphosa, 71, pada 15 Jun sebagai presiden untuk penggal kedua semasa persidangan pertama badan perundangan. Pada 19 Jun, beliau secara rasmi mengangkat sumpah sebagai presiden ketujuh yang dipilih secara demokrasi. - ©BERNAMA

Mesir meterai 29 perjanjian bernilai US\$52 billion dengan syarikat-syarikat EU - PM Mostafa Madbouly

KAHERAH, 1 Julai. - Mesir menandatangani 29 perjanjian bernilai 49 bilion euro (US\$52.6 bilion) dengan syarikat-syarikat Kesatuan Eropah (EU) semasa persidangan pelaburan yang diadakan di Kaherah pada Ahad, lapor Sputnik.

"Semasa persidangan ini, 29 perjanjian dan memorandum persefahaman bernilai 49 bilion euro telah ditandatangani dengan syarikat-syarikat EU," kata Perdana Menteri Mostafa Madbouly.

Perjanjian itu melibatkan sektor hidrogen hijau, pengeluaran kendaraan elektrik dan teknologi maklumat, antara lain.

Beliau juga menyuarakan harapan agar perjanjian yang ditandatangani ini akan menyumbang kepada pertumbuhan pelaburan asing di Mesir dan meningkatkan peluang pekerjaan.

Pada pertengahan Mac, Presiden Mesir Abdel Fattah Sisi berkata bahawa Kaherah akan menerima kira-kira 7.4 bilion euro daripada

EU yang diperuntukkan untuk menyokong ekonomi negara itu. Daripada jumlah itu, 5 bilion euro akan disalurkan dalam bentuk pinjaman.

Minggu lalu, Kementerian Kerjasama Antarabangsa Mesir mengumumkan bahawa Mesir akan menerima tranche berjumlah 1 bilion euro (US\$1.073 bilion) daripada EU pada 2024. Perjanjian yang berkaitan dijangka ditandatangani semasa persidangan pelaburan itu. - ©BERNAMA

Presiden Jokowi ziarah Prabowo di hospital

JAKARTA, 1 Julai. - Presiden Indonesia Joko Widodo melawat Presiden Terpilih Prabowo Subianto yang juga Menteri Pertahanan sekarang, yang kini sedang menerima rawatan di Hospital Pusat Pertahanan Negara di Jakarta Selatan pada Ahad malam.

Menerusi perkongsian di media sosial, Joko Widodo yang juga dikenali sebagai Jokowi menyeru seluruh rakyat mendoakan

proses pemulihan Prabowo pascaprosedur pembedahan besar pada minggu lepas lancar.

"Insya-Allah agar semakin bersedia untuk menjalankan tugas berkhidmat kepada rakyat Indonesia," kata Jokowi dalam catatan beliau.

Prabowo, yang merupakan Presiden Terpilih tempoh 2024-2029, menjalani pembedahan untuk pemulih kecederaan yang dialami ketika bertugas dalam dunia ketenteraan sebelum ini.

"Saya mengalami dua kemalangan payung terjun semasa

berkhidmat dalam Tentera Nasional Indonesia pada tahun 80-an di kaki kiri saya," tulis Prabowo di media sosial.

Prabowo berterima kasih kepada pasukan perubatan hospital yang berjaya menjalankan prosedur perubatan dan Jokowi serta rakyat atas sokongan moral serta doa.

"Insya-Allah dengan kesihatan yang baik di masa hadapan, saya akan lebih bersedia untuk berkhidmat dan berbakti kepada negara dan rakyat Indonesia," tambahnya. - ©BERNAMA

AUSTRALIA NAIKKAN YURAN VISA PELAJAR ANTARABANGSA LEBIH DUA KALI GANDA

CANBERRA, 2 Julai. - Australia pada Isnin mengumumkan yuran bagi pelajar antarabangsa yang memohon untuk melanjutkan pengajian di negara itu kini dinaikkan kepada AU\$1,600 (US\$1,064.7) meningkat berbanding AU\$710 (US\$472.4) sebelum ini.

Menyatakan hal Ehwal Dalam Negeri,

Clare O'Neil, berkata dalam satu kenyataan bersama Menteri Pendidikan Jason Clare, Menteri Kemahiran dan Latihan Brendan O'Connor serta Menteri Imigresen Andrew Giles, bahawa kenaikan yuran ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mengawal jumlah migrasi ke Australia, lapor Xinhua.

"Perubahan yang berkuatkuasa hari ini akan membantu memperbaiki sistem pendidikan antarabangsa kita dan menjadikan sistem migrasi lebih adil dan terkawal," katanya. Menurut Biro Perangkaan Australia (ABS), migrasi ke Australia mencatat rekod 548,800 orang dalam tempoh 12 bulan hingga September 2023.

MAQIS gagalkan cubaan seludup 16 kilogram ikan hidup ke Singapura

ISKANDAR PUTERI, 2 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Johor menggagalkan cubaan seludup satu tong ikan hidup dengan jumlah berat kira-kira 16 kilogram (kg) ke Singapura, semalam.

Pengarah MAQIS Johor Edie Putra Md Yusof berkata rampasan bahan tanpa permit eksport sah bernilai RM745 itu dibuat di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah di sini pada 3.45 pagi, susulan pemeriksaan terhadap sebuah lori.

Beliau berkata hasil pemeriksaan menemukan 4 kg ikan jenahak,

selain masing-masing 6 kg ikan merah dan ikan kerapu yang diletakkan bercampur di dalam sebuah tong, sebelum disorokkan di antara tong-tong lain yang berisi ikan sejuk beku.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapat ikan hidup terbabit cuba dibawa keluar tanpa sebarang pengikrar yang betul dan telah ditahan untuk tindakan lanjut.

"Perbuatan mengeksport apa-pa jenis keluaran pertanian tanpa permit eksport MAQIS menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan

Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11 (3) akta sama," katanya dalam kenyataan hari ini.

Bagaimanapun, Edie Putra berkata pemandu dan kelindan berusia 24 serta 22 tahun itu dilepaskan setelah diambil keterangan dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

Menurut beliau, pihaknya sentiasa komited menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian yang keluar dari dalam negara dan mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan kerajaan. - ©BERNAMA

Pemimpin automotif UK beri amaran terhadap "Perang Perdagangan" berhubung tarif EV China

LONDON, 2 Julai. - Seorang pemimpin industri automotif Britain menggesa untuk mengelakkan peningkatan halangan perdagangan di tengah-tengah pertikaian mengenai kenaikan tarif Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) terhadap kenderaan elektrik (EV) China, lapor Xinhua.

"Tiada siapa yang mahukan perang perdagangan. Kami tidak mahu melihat sebarang tindakan balas," kata ketua eksekutif Persatuan Pengilang dan Peniaga Motor United Kingdom (SMMT), ketika mengulas mengenai kenaikan tarif berkenaan.

Walaupun situasi semasa tidak memberi kesan langsung kepada United Kingdom (UK), terdapat ketidakpastian dalam beberapa bulan akan datang apabila rundingan diteruskan antara EU dan China mengenai kenaikan tarif yang dirancang selain pilihan raya presiden AS yang diadakan pada

akhir tahun ini.

Menurut Hawes, industri permotoran UK sedang memantau situasi berkenaan dengan rapat.

Dalam temu bual dengan Xinhua baru-baru ini, Hawes menekankan bahawa Britain adalah pasaran yang sangat terbuka dengan pengguna yang menyukai teknologi dan beberapa jenama China telah memasuki pasaran dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Jenama-jenama itu menyediakan lebih banyak pilihan, menurunkan kos untuk pengguna, serta merangsang inovasi dan persaingan dalam industri.

"Selagi persaingan itu adil, maka semua pihak adalah pemenang," kata Hawes.

Hawes menyatakan bahawa jenama China memegang kira-kira empat peratus daripada keseluruhan pasaran dan kira-kira 10 peratus daripada pasaran kereta elektrik. Selain itu, kira-kira 30 peratus daripada semua kereta elektrik yang dijual di UK berasal dari China, termasuk bukan jenama

China.

Data SMMT menunjukkan bahawa kira-kira 16-17 peratus daripada kereta baharu yang dijual di UK tahun ini adalah EV, iaitu di bawah mandat kerajaan yang memerlukan setiap jenama memastikan bahawa 22 peratus daripada jualan kenderaan baharu mereka tahun ini adalah sifar pelepasan karbon.

Menurut Hawes, peralihan teknologi baharu tidak pernah lancar dan beliau menyeru semua pihak berkepentingan untuk menyumbang kepada peralihan sifar bersih Britain.

Hawes menekankan bahawa Britain adalah tempat yang bagus untuk melabur dan pasaran yang sangat kompetitif.

Beliau berkata pembuat kenderaan yang memasuki pasaran UK perlu memastikan produk mereka menarik kepada pengguna, menyediakan sokongan perkhidmatan diperlukan dan harga yang kompetitif dalam pasaran yang sukar. - ©BERNAMA

9 maut, 4 cedera kereta rempuh pejalan kaki di pusat bandar Seoul

SEOUL, 2 Julai - Sekurang-kurangnya sembilan orang terbunuh dan empat lagi cedera apabila sebuah kereta rempuh pejalan kaki di pusat bandar Seoul pada malam Isnin, mencetuskan huru-hara di jalan metropolitan yang biasanya sesak, lapor Yonhap, memekat polis.

Menurut polis, kemalangan itu berlaku di persimpangan berhampiran Dewan Bandaraya Seoul sekitar 9.27 malam, apabila kenderaan yang dipandu oleh seorang lelaki berusia 68 tahun

merempuh pejalan kaki yang sedang menunggu di lampu isyarat. Pemandu itu dikatakan menyalahkan pecutan tidak sengaja secara tiba-tiba sebagai punca kemalangan.

Daripada sembilan kematian, enam meninggal dunia di tempat kejadian, manakala tiga lagi dibawa ke hospital dalam keadaan henti jantung dan kemudian disahkan meninggal dunia. Antara empat yang cedera, seorang telah pulang ke rumah selepas menerima rawatan manakala yang lain dalam

keadaan stabil.

Polis melaporkan bahawa kenderaan itu bergerak ke arah yang salah dan berlanggar dengan dua kenderaan sebelum melanggar pejalan kaki. Pemandu itu telah ditahan oleh pihak polis.

Presiden Yoon Suk Yeol, yang diberi taklimat mengenai kemalangan itu, telah mengarahkan Menteri Dalam Negeri Lee Sang-min dan pembantu lain untuk membuat usaha sepenuhnya bagi menyelamatkan dan merawat mangsa

Parti Buruh yang memerintah menetapkan sasaran untuk mengurangkan migrasi tahunan kepada 260,000 menjelang 2025 dan pada Mei mengumumkan rancangan untuk mengehadkan pendaftaran pelajar antarabangsa selepas jumlah mereka melebihi 700,000 pada Februari.

Clare berkata pada Isnin bahawa kenaikan yuran akan mengukuhkan integriti sistem pendidikan antarabangsa Australia dan membantu membiayai pendidikan dan inisiatif migrasi.

Sementara itu, The Group of Eight (Go8) iaitu gabungan universiti penyelidikan elit

menegaskan bahawa langkah ini akan bertindak sebagai penghalang kepada pelajar antarabangsa dan mengurangkan kepelbagaian.

"Sekali lagi pelajar antarabangsa digunakan sebagai sumber kewangan untuk menyokong ekonomi dan inisiatif kerajaan," kata ketua eksekutifnya Vicki Thomson dalam satu kenyataan.

Bidang pendidikan antarabangsa menyumbang AU\$47.8 bilion (US\$31.8 bilion) kepada ekonomi Australia pada 2023, meningkat daripada AU\$26.6 bilion (US\$17.7 bilion) pada 2022, menurut angka rasmi. - ©BERNAMA

Puluhan cedera dalam insiden gelora udara penerbangan Air Europa

RIO DE JANEIRO, 2 Julai. - Sekurang-kurangnya 30 penumpang cedera dalam insiden gelora udara semasa penerbangan dari Sepanyol ke Uruguay pada Isnin, lapor Agensi Berita Jerman (dpa), memetik Air Europa.

Menurut hantaran syarikat penerbangan itu di platform media sosial X, pesawat terpaksa membuat pendaratan kecemasan di sebuah lapangan terbang di Brazil.

Penerbangan itu, yang dalam perjalanan dari Madrid ke Montevideo, membawa 325 penumpang. Laman berita G1 melaporkan beberapa penumpang mengalami patah tulang dan yang lain terhantuk kepala semasa turbulensi.

Pada Mei lepas, seorang maut dan lebih 30 lagi cedera dalam insiden gelora udara teruk semasa penerbangan Singapore Airlines dari London ke Singapura. - ©BERNAMA

Dua lapangan terbang di Shanghai catat peningkatan penumpang

SHANGHAI, 2 Julai - Dua lapangan terbang utama di Shanghai mencatat peningkatan ketara membabitkan ketibaan penumpang pada separuh pertama 2024.

La susulan pelaksanaan lebih banyak polisi berkaitan pengecualian visa oleh China bagi merangsang industri pelancongan, lapor Xinhua.

Menurut Kastam Shanghai pada Isnin, Lapangan Terbang Antarabangsa Pudong dan Hongqiao mengendalikan lebih 8.06 juta ketibaan, meningkat sebanyak 173 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Lapangan Terbang Pudong pula menguruskan 14.79 juta penumpang masuk dan keluar, meningkat sebanyak 1.8 kali ganda berbanding tahun sebelumnya, menurut pihak berkuasa kastam.

Pada masa kini, Lapangan Terbang Pudong mengendalikan penerbangan antarabangsa dari 118 destinasi di 48 negara dan wilayah. Beberapa destinasi baharu dijadual ditambah bulan ini termasuk Manchester di Britain, Marseille di Perancis, dan Pulau Pinang di Malaysia.

China telah melanjutkan pengecualian visa kepada rakyat New Zealand, Australia dan Poland. Dari 1 Julai 2024 hingga 31 Disember 2025, warganegara dari negara-negara ini dibenarkan masuk dan tinggal di China tanpa visa selama sehingga 15 hari untuk urusan perniagaan, pelancongan, melawat saudara dan rakan serta transit. - ©BERNAMA

Lee juga mengeluarkan arahan kecemasan untuk menggerakkan semua sumber yang ada bagi menyelamatkan nyawa mereka yang terjejas oleh kemalangan itu. Sementara itu, Datuk Bandar Seoul, Oh Se-hoon bergegas ke tempat kejadian.

"Ia adalah kemalangan yang menyedihkan," katanya, menyeru kakitangannya untuk segera membawa mangsa ke hospital dan menyiasat kes itu dengan teliti. Polis sedang menyiasat keadaan sebenar kemalangan itu. Pemandu kereta itu dan isterinya telah dibawa ke hospital kerana dia mengadu kesakitan. Dia mendakwa keretanya tiba-tiba memecut. Masih belum dipastikan sama ada dia berada di bawah pengaruh dadah

atau jika pemandu mengantuk menjadi faktor dalam kemalangan itu.

"Oleh kerana pemandu juga cedera, kami belum dapat meneruskan siasatan," kata seorang pegawai polis. Kami akan menjalankan siasatan apabila dia boleh memberi keterangan.

"Berkaitan punca kemalangan, kami akan segera melaksanakan siasatan berdasarkan kenyataan pemandu, rakaman televisyen litar tertutup dan analisis kamera keselamatan," tambahnya.

Kemalangan itu menimbulkan persoalan sama ada ada langkah-langkah perlu dipertimbangkan untuk memastikan pemanduan selamat dalam kalangan warga emas. - ©BERNAMA



KONTINJEN FUTSAL, WUSHU SELAMAT KEMBALI KE TANAH AIR



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan dan Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk menyambut ketibaan kontinjen Institusi Pengajian Tinggi bagi sukan futsal dan wushu yang selamat kembali ke tanah air (atas), manakala gambar bawah kiri, Dayang Basma binti Lachkar semasa ditemu bual.



Berita dan Foto : Pg. Syiaruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Isnin, 1 Julai.

- Kontinjen Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi sukan futsal dan wushu selamat kembali ke tanah air pagi tadi selepas menyertai Kejohanan Sukan Universiti ASEAN (AUG) Kali Ke-21, Tahun 2024 yang telah berlangsung di Surabaya dan Malang, Indonesia.

Sementara itu, kontinjen sukan Bola Keranjang 3x3 selamat kembali ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 29 Jun

2024.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) untuk menyambut ketibaan kontinjen pada hari ini, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; dan Naib Canselor, Universiti Teknologi Brunei (UTB), Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Setakat ini, kontinjen IPT berjaya meraih satu pingat emas melalui

Dayang Basma binti Lachkar, mahasiswi dari UTB melalui sukan wushu, Kategori Taijiquan.

Semasa ditemu bual oleh pihak media mengenai persediaan bagi AUG berkenaan, Dayang Basma menjelaskan kesemua kontinjen IPT telah mengikuti kem latihan intensif selama kurang lebih sebulan pada Mac yang lalu di China.

Setelah kembali ke NBD pada bulan April, beliau menjelaskan latihan masih lagi diadakan namun kurang intensif bagi

memberi peluang stamina mereka untuk pulih dengan baik bagi pertandingan.

Seterusnya, beliau mengongsikan mengenai hasratnya untuk mengikuti The 10th Asian Wushu Championships yang akan diadakan pada September di Macau, Republik Rakyat China.

Kontinjen IPT terdiri daripada 55 orang, iaitu 32 atlet dari IPT dan 23 pegawai, yang diketuai oleh Pegawai Pelajaran Kanan (Teknikal), Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dr. Tang Shi Siong selaku Ketua Delegasi Kontinjen IPT Brunei Darussalam.

Kontinjen IPT menyertai sebanyak lapan acara sukan, iaitu olahraga, futsal, Bola Keranjang 3x3, petanque, taekwando, pencak silat, karate, dan wushu.

Acara sukan petanque, olahraga, taekwando, karate, dan pencak silat masih lagi berlangsung dan akan berakhir pada 6 Julai 2024.

Turut hadir di LTAB ialah Pengarah Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan dan ahli keluarga atlet.

Demand 4 Fitness anjur Cabaran Pelari



ANTARA yang menyertai Cabaran Pelari Night Track Running anjuran Demand 4 Fitness (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Ihsan Demand 4 Fitness

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 Julai. - Seramai 34 peserta menyertai Cabaran Pelari Night Track Running anjuran Demand 4 Fitness dengan sokongan perniagaan

tempatan Brunei, yang diadakan di trek larian tempatan pada malam Sabtu, 29 Jun 2024 lalu. Ia merupakan acara larian trek yang julung kalinya diadakan oleh Demand 4 Fitness.

Cabaran Pelari dibahagikan kepada

empat kategori berdasarkan jantina dan jarak, iaitu Kategori 1 : 3000 meter (m) Lelaki; Kategori 2 : 3000m Wanita; Kategori 3 : 5000m Lelaki dan Kategori 4 : 5000m Wanita. Semua peserta tiga terbaik dari setiap kategori juga diberikan hadiah.

Selain itu, pemenang Kategori 3 : 5000m Lelaki Terpantas, Afeef Idraki dan Kategori 4 : 5000m Wanita Terpantas, Sofiyah Saifulizan memenangi baucar istimewa dari syarikat tempatan yang menawarkan kasut mampu milik iaitu Pacer.bn (Instagram).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMPERBANYAKKAN AMAL KEBAIKAN, IBADAT DENGAN PENUH KETAKWAAN